

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

## **PARLIAMENTARY DEBATES**

### **DEWAN NEGARA**

*Senate*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*seventh Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**Jilid II**

**Bil. 14**

**Hari Isnin**

**28hb November, 1988**

#### **KANDUNGANNYA**

##### **MENGANGKAT SUMPAH:**

1. Y.B. Tuan Tiong Hiew King
2. Y.B. Tuan Tan Chai Bo
3. T.B. Tuan Sivalingara a/1 Arumugam Karupiah (Ruangan 1)

##### **PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

###### **Mengangkat Sumpah (di luar Dewan)**

1. Y.B. Dr. Nawawi bin Mat Awin
2. Y.B. Dato' Dr. K.S. Nijhar
3. Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol (Ruangan 2)

**Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru (Ruangan 2)**

**Memperkenalkan Akta-akta (Ruangan 2)**

**Perutusan daripada Dewan Rakyat (Ruangan 3)**

**URUSAN MESYUARAT (Ruangan 4)**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 5)**

##### **RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1987 (No.2) 1988 (Ruangan 41)**  
**Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) (Ruangan 71)**  
**Rang Undang-undang Setem (Pindaan dan Perluasan) (Ruangan 79)**



MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 28hb November, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlambagaan:

1. Tuan Tiong Hiew King.
2. Tuan Tan Chai Ho.
3. Tuan Sivalingan a/l Arumugam Karuppiah.

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

Mengangkat Sumpah (di luar Dewan)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Dewan iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat Sumpah di hadapan saya pada tarikh-tarikh yang dinyatakan mengikut kehendak Jadual Keenam dalam Perlembagaan:

1. Y.B. Dr. Nawawi bin Mat Awin pada 3hb Ogos, 1988.
2. Y.B. Dato' Dr. K.S. Nijhar pada 25hb Ogos, 1988.
3. Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol pada 25hb Ogos, 1988.

### **Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengangkat Sumpah sebentar tadi dan di hadapan saya di luar Dewan pada tarikh-tarikh yang dinyatakan tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dilantik dan dilantik semula dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya..

### **Memperkenankan Akta-akta**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan memper-setujukan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen di mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Kebankrapan (Pindaan) 1988;
2. Akta Pemerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Pindaan) 1988;
3. Akta Pencegahan dan - Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988;
4. Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1988;
5. Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 1988;

6. Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan) 1988;
7. Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988;
8. Akta Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) 1988;
9. Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1988; dan
10. Akta Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) (Pindaan) 1988.

#### **Perutusan daripada Dewan Rakyat**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara memersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang,

**[Setiausaha membacakan Perutusan]**

"20hb Oktober, 1988

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara untuk memersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan "1987(No.2) 1988;
2. Rang Undang-undang Mahkamah Juvana (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut (Pindaan);

5. Rang Undang-undang Bidan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan); dan
8. Rang Undang-undang Setem (Pindaan dan Perluasan) .

Yang ikhlas

t . t .

Yang di-Pertua Dewan Rakyat ."

#### URUSAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1987(No. 2) 1988;
2. Rang Undang-undang Mahkamah Juvana (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Bidan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan); dan
8. Rang Undang-undang Setem (Pindaan dan Perluasan).

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PETANYAAN

## RADIAL KERATOTOMY - PAKAR MATA

1. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) berapa ramaikah Malaysia mempunyai pakar mata sekarang;
- (ii) berapakah bilangan pakar-pakar mata dilatih tiap-tiap tahun; dan
- (iii) adakah pembedahan RADIAL KERATOTOMY diamalkan di Malaysia dan bagaimana keberkesanannya.

**Menteri Kesihatan [Dato' Chan Siang Sun]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Pada masa ini seramai 23 orang pakar mata sedang berkhidmat di hospital-hospital Kerajaan.
- (ii) Kursus ijazah lanjutan dalam bidang Ophthalmology ada dijalankan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Bilangan doktor-doktor yang telah mengikuti kursus tersebut dalam tempoh lima tahun ini adalah seperti berikut:

1984	6 orang
1985	3 orang
1986	2 orang
1987	5 orang
1988	5 orang

- (iii) Pembedahan Radial Keratotomy ada dijalankan di negara ini oleh beberapa pakar mata di sektor swasta sahaja, tetapi tidak banyak.

Mengikut pengalaman di negara asing, pembedahan ini berkesan bagi kes-kes rabun mata yang mempunyai 'refractive error' yang tertentu sahaja.

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah keadaan penglihatan sekarang orang yang pertama yang telah menjalani pembedahan radial keratotomy di dunia?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, di dunia sekarang ada macam-macam jenis pembedahan. Jadi, ada yang popular sekali berkenaan dengan radial keratotomy ini ialah di negara Russia di mana ianya sangat popular. Oleh sebab itulah di negara kita sekarang ini ada satu permintaan supaya satu Pusat Pembedahan Mata ditubuhkan di Pulau Langkawi dan saya sendiri selepas meneliti dari semua aspek yakin bahawa projek ini bagus dijalankan untuk negara kita.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan. Tadi beliau menyatakan ada 23 orang pakar mata di hospital-hospital Kerajaan. Berapakah pakar mata negara kita memerlukan dan apakah rancangan Kerajaan untuk memenuhi keperluan negara itu dalam jangka masa Rancangan Malaysia Kelima?

**Dato' Chan Siang Sun:** Dengan angka-angka yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, kita cuma dapat melatih tak lebih daripada 6 orang setahun bagi keperluan negara dan barangkali ini tidak mencukupi. Oleh sebab itulah kita masih berusaha sedaya upaya untuk memberikan galakan, pertolongan dan juga biasiswa kepada doktor-doktor yang ada minat dalam lapangan kepakaran ini.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, cuma ada dua tahun lagi yang masih tinggal, jadi barangkali kita tidak dapat memenuhi keperluan ini dan ini akan dilanjutkan kepada Rancangan Malaysia Keenam dan saya berharap akan mendapat sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.



**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa tahunkah untuk seseorang itu mendapat kelulusan sebagai pakar mata?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, selepas seseorang menjadi doktor atau setelah mendapat kelulusan MBBS, seorang doktor hendaklah sekurang-kurangnya dilatih lima-enam tahun baru boleh menjadi seorang pakar mata oleh kerana mata adalah sangat penting, mata sangat sulit, mata sangat sensitif untuk selama hayat atau kehidupan kita dan mata kita boleh menunjukkan perglihatan ke mana-mana. Jadi, itulah sebabnya penting sekali tempoh latihan yang lama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya membenarkan hanya satu lagi soalan tambahan. Silakan Yang Berhormat Tuan Chan Choong Tak.

**Tuan Chan Choong Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan Radial Keratotomy yang popular, yang akan dijalankan di Malaysia tidak lama lagi, bilakah projek ini akan dimulakan dan di dalam projek ini berapa orang doktor pakar Malaysia yang akan terlibat di dalam projek tersebut.

**Dato' Chan Siang Sun:** Mengikut pihak yang akan menubuhkan Pusat Pembedahan Mata ini barangkali satu tahun mulai 3 bulan lepas, cuma tinggal 8 bulan sahajalah; kita harap Pusat Pembedahan Mata ini boleh ditubuhkan. Untuk permulaan, projek itu tidak terlibat dengan doktor-doktor atau pakar-pakar tempatan.

Pihak Russia sudah memohon supaya 14 orang doktor-doktor pakar mata itu mengikut kumpulan barangkali 5 sekali atau 6 sekali ; tetapi, jumlahnya 14. Di bawah seksyen 14(3) Akta Perubatan 1971 saya telah diberi kuasa untuk meluluskan permohonan itu. Jadi, kita berharap dengan ini pihak yang akan menubuhkan Pusat ini juga memberi jaminan bahawa dalam perjalanan. penubuhan Pusat Pembedahan Mata ini mereka juga bersetuju akan manberikan latihan kepada doktor-doktor tempatan.

Jadi, ini pun satu faedah untak negara kita supaya satu teknologi yang baru disegi perubatan dapat kita menerimanya.

## GERAKAAN KUMPULAN AL-ARQAM

2. **Puan Ainon binti Ariffin** minta Perdana Menteri menyatakan mengenai perkara berikut:-

- (a) tidakkah Kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan tegas yang wajar kepada Pemimpin Arqam yang telah terang-terang menyeleweng dari aqidah Islam dan menyebarkan ajaran sesat yang boleh mencemar dan merosakkan kesucian Agama Islam; dan
- (b) berapa lamakah tempoh yang diberikan kepada kumpulan Arqam supaya mematuhi undang-undang melalui Pendaftar Pertubuhan .

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman**]: Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan soalan:

- (a) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri mengambil tindakan terhadap sesiapa sahaja orang Islam yang mengajar atau menyebarkan ajaran yang bertentangan dengan hukum syarak.

Mengenai gerakan kumpulan Al-Arqam ini, Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri telahpun mengambil beberapa tindakan iaitu mengharamkan buku "Aurat-Muhammadiyah" yang menjadi pegangan Al-Arqam dan penyebaran ajaran yang terkandung di dalam buku itu dan mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang mengenai kebenaran bertulis atau tauliah bagi mengajar atau berdakwah kepada orang ramai.

- (b) Setakat ini tidak ada tempoh yang diberikan kepada kumpulan Al-Arqam supaya mendaftarkan kumpulannya dengan Pendaftar Pertubuhan. Walau bagaimanapun, Kementerian ini sentiasa mengawasi dan memerhati segala kegiatan kumpulan ini agar ianya tidak akan menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam khususnya di kalangan umat Islam di negara ini.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah Kementarian yang berkenaan menahan pemergian ulama-ulama songsang Al-Arqam itu ke luar negeri agar pelajar-pelajar kita di pusat-pusat pengajian tinggi di luar negeri tidak disesatkan dengan ajaran-ajaran karut dalam Al-Arqam.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian mengambil maklum tentang perkara ini. Walau bagaimanapun, kuasa Kerajaan mengenai agama hanyalah bersabit dengan pengajaran dan hal-hal yang berbentuk dengan sama ada seseorang itu boleh keluar atau pergi ke mana-mana adalah terpulang kepada keadaan yang berlaku di negara tersebut. Jadi, perkara ini sedang dikaji untuk bagaimana mengatasinya.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang bertanggungjawab masalah kumpulan Al-Arqam ini. Oleh kerana perkara Al-Arqam ini sudah menjadi perbualan begitu besar dalam negara kita

ini. Oleh kerana kita mahu menjaga agama Islam sebagai agama rasmi supaya dihormati oleh agama-agama lain, tidakkah Kerajaan mencadangkan supaya membatalkan terus pertubuhan Al-Arqam daripada pertubuhan yang dihalalkan oleh Kerajaan.

Dan lagi satu, adakah Kerajaan bercadang untuk hendak masuk ke kawasan Al-Arqam sendiri melihat keadaan suasana perjalanan Al-Arqam yang mana saya difahamkan banyak lagi perkara-perkara yang telah diselewengkan termasuklah dalam masalah jenayah dan juga cara nikah sampai 3-4 ini pun kadang-kadang ada yang tidak betul. Jadi saya mintalah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan, kalau Yang Berhormat sendiri tahulah; kalau tidak, tidak apalah cuma berikan satu pandangan yang boleh kami terima dalam Dewan ini.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini kita maklumi ada berlaku. Walau macam manapun sebelum sesuatu tindakan boleh diambil mestilah berasaskan kepada maklumat yang lengkap dan sahih sama ada perkara ini berlaku. Walau macam mana pun pihak Kementerian yang berkenaan khususnya Kementerian Dalam Negeri sentiasa memberi perhatian serta mengawasi segala kegiatan bukan hanya kumpulan Al-Arqam malah mana-mana kumpulan supaya tidak menjejaskan ketenteraman dan memudaratkan keselamatan negara. Mungkin agaknya kegiatan-kegiatan yang ada atau maklumat setakat ini yang didapati mungkin belum lagi memudaratkan ketenteraman negara. Tetapi kalau Yang Berhormat ada maklumat, silalah sampaikan dan mungkin boleh manbantu Kerajaan untuk mengambil tindakan yang lebih tegas.

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya ini ada kaitan dengan soalan (b) di soalan asal iaitu daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kedapatan satu gambaran seolah-olah tekanan bukan sahaja tekanan tetapi dianggap penting untuk kumpulan Al-Arqam ini didaftarkan. Jadi, dalam erti-kata itu, Kerajaan tidak menganggap kumpulan Al-Arqam ini sebagai sebuah pertubuhan.

Jadi, soalan saya ialah apakah pendirian Kerajaan sendiri terhadap Al-Arqam ini, adakah ia merupakan sebuah pertubuhan atau adakah ia merupakan satu kumpulan yang tidak perlu diawasi.

Yang kedua, ialah oleh kerana dikatakan Kerajaan sentiasa mengawasi kumpulan-kumpulan seperti Al-Arqam ini dan juga kumpulan-kumpulan lain, kita dapati sebenarnya kumpulan Al-Arqam ini yang banyak sekali mendapat perhatian daripada orang ramai, sungutan dan sebagainya yang dikenakan. Jadi, apakah jenis pengawasan yang dibuat oleh Kerajaan terhadap kegiatan kumpulan seperti Al-Arqam ini terutamanya,

Dan juga, adakah Kerajaan mempunyai maklumat mengenai berapa ramai sebenarnya, anggarannya, dalam masyarakat Islam yang terlibat dalam kumpulan Al-Arqam ini terutamanya dan di manakah pusat-pusat kegiatan kumpulan ini.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama Yang Berhormat tadi Kerajaan seperti yang telah saya katakan tadi, kuasa Kerajaan mengenai agama hanyalah bersabit dengan pengajaran dan hal-hal yang berbentuk organisasi, walaupun bercorak agama tidak diberi peruntukan dalam pentadbiran

agama. Namun demikian, Kerajaan menganggap Al-Arqam ini adalah sebuah kumpulan dan mereka ini diawasi seperti yang telah dikatakan dan setakat ini belum dianggap sebagai memudaratkan keselamatan dan mengancam negara.

Mengenai soalan (b), pengawasan yang dijalankan adalah yang melibatkan pegawai-pegawai yang ada di dalam jabatan yang berkenaan iaitu di Jabatan-jabatan Keselamatan Negara dan juga Jabatan Agama kerana berkenaan dengan soal agama dan ianya apabila perlu dan mendapat maklumat yang bersesuaian dan sahih akan mendapat tindakan yang sewajarnya.

Mengenai soalan (c), iaitu mengenai berapakah agaknya bilangan di kalangan Al-Arqam ini, jumlah kumpulan ini bertapak. Saya kira disebabkan terlalu mobile, dengan izin, kumpulan ini kerana suatu kecita kumpulan Al-Arqam ini berpusat di satu tempat iaitu di kawasan Wilayah Persekutuan tetapi pada ketika ini kumpulan ini telah berpindah ke suatu kawasan yang lain memulakan satu perkampungan yang baru dan Kerajaan sedang meneliti perpindahan ini dan mengkaji sejauh manakah rancangan mereka itu untuk meluaskan kumpulan mereka. Tetapi, nampaknya agak tidak terancam, tidak ber-sistem. Tetapi perkara ini sedang dikaji dan insya Allah tindakan akan diambil oleh pihak Kerajaan.

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** Bolehkah bertanya satu lagi soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, ini yang terakhir sekali.

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** Saya tertarik hati dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengatakan kegiatan-kegiatan Arqam ini belum memudaratkan, olah kerana itu tidak dirasakan penting bagi pihak Kerajaan untuk mengambil apa-apa tindakan. Tetapi saya rasa di kalangan masyarakat, perkara ini sudah menjadi sesuatu yang amat serius terutama sekali kesan-kesan negatif yang berlaku di kalangan kaum sejenis saya, terutamanya. Lain-lain cerita-cerita jenayah itu saya tidak pernah dengar, tetapi dalam soal kesan-kesan negatif yang berlaku di kalangan kaum wanita diakibatkan dari gerakan-gerakan Arqam ini, saya rasa sudah memudaratkan, kecuali dari segi penafsiran Kerajaan mudarat itu ertinya bila sudah berlaku pembunuhan dan kematian dan sebagainya, itu tidak tahulah saya. Tetapi umpamanya kesan-kesan yang berlaku di institusi-institusi pengajian tinggi, saya rasa sudah memudaratkan kepada masyarakat.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, tentang perkara sama ada memudarat ataupun menyusahkan atau menyampai kepada satu tahap yang membimbangkan Kerajaan, itu mestilah terpulang kepada orang-orang yang mempunyai kuasa untuk mengambil satu tindakan yang tegas. Oleh kerana kita mempunyai lunas undang-undang dan sebagainya, mestilah kita berasaskan kepada proses mencari atau mendapatkan maklumat yang sahih. Walaupun sekarang ini pihak Kerajaan sedang mengkaji dan meneliti serta mencari maklumat yang betul untuk membolehkan ia menjadi asas untuk



melakukan ataupun mengambil tindakan yang sesuai, tetapi ia mestilah berkaitan dengan soal sama ada ia menjejaskan atau tidak ketenteraman negara. Jadi soal mamudaratkan keselamatan negara ini ialah mungkin dari segi jangka panjang. Namun demikian Kerajaan akan mengambil perhatian yang berat tentang soal ini dan saya kira sekarang pun sudah memulakan kajian yang terperinci dan teliti dan mungkin akan sediakan tindakan selanjutnya.

#### LAWATAN PERDANA MENTERI KE MAURITIUS

**3. Tuan Haji Jaafar bin Harun** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah kejayaan Lawatan Perdana Menteri tentang hubungan dua hala lawatan rasmi beliau ke Mauritius pada bulan Ogos, 1988 yang lalu terutama mengenai kepentingan bersama dan isu antara-bangsa.

Menteri Luar Negeri [**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar**]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengadakan lawatan rasminya ke Mauritius pada bulan Ogos yang lalu di atas undangan rakan sejawatnya Sir Aneerood Jugnauth. Tujuan lawatan itu ialah untuk mengerat dan mempertingkatkan lagi hubungan dua hala, khasnya kerjasama di dalam bidang perdagangan, banking, pelaburan, kebudayaan dan pelancongan. Selaras dengan tujuan itu, dua perjanjian telah ditandatangani semasa lawatan tersebut, iaitu Perjanjian Kebudayaan dan Perjanjian Penubuhan Suruhanjaya Bersama Mengenai Kerjasama Ekonomi dan Teknik di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Mauritius. Pada masa kini, kedua-dua buah negara sedang mengambil tindakan bagi melaksanakan Perjanjian-perjanjian tersebut.

Dengan adanya kerjasama dalam bidang perdagangan, Malaysia yakin dapat menembusi pasaran di Mauritius dan menerusi Mauritius, pasaran negara-negara di rantau Selatan dan Timur Afrika dan di Negara-negara EEC di Eropah. Muaritus mempunyai kemudahan perdagangan istimewa dengan Negara-negara Afrika, Pacific, Caribbean dan EEC melalui keahliannya di dalam "Preferencial Trade Area for

Southern and East Africa" dan "Lome Convention".

Di samping itu, kerjasama ekonomi Malaysia dan Mauritius menunjukkan kesungguhan Malaysia terhadap dasar kerjasama Selatan-Selatan yang kini telah menjadi salah satu asas kepada dasar luar negara kita. Kerjasama ekonomi dengan Mauritius adalah satu permulaan dalam rangka kerjasama ekonomi dengan negara-negara Afrika di kawasan selatan dan timur.

Kerajaan Mauritius menyambut baik akan hasrat kita bagi menyelaraskan perdagangan dan menerima pelaburan dari Malaysia bagi menubuhkan industri untuk eksport ke negara-negara tersebut. Mereka telah mengizinkan Malaysia menubuhkan sebuah bank yang dirasakan akan memenuhi kehendak-kehendak perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Malaysia dan Mauritius bersejua dalam semua isu antarabangsa, isu-isu antarabangsa tidak dibangkitkan. Perbincangan hanya menyentuh mengenai cara-cara merapatkan lagi dua hala, khasnya kerjasama ekonomi di bidang-bidang perdagangan dan pelaburan.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejak lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, adakah usahawan-usahawan negara kita telah melabur di Mauritius?

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebelum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat Mauritius, memang sudah ada beberapa orang usahawan kita melabur di negara yang berkenaan dan selepas lawatan tersebut, maka nampaknya ada jaga usaha-usaha peniaga kita yang cuba memulakan perniagaan selain daripada yang telah melabur.

**Tuan Chan Choong Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri menamakan dua atau tiga perkara yang telah dilaksanakan di bawah Perjanjian Kebudayaan itu?

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perjanjian ini baru sahaja ditandatangani dan sebagaimana saya perkatakan bahawa kedua-dua negara sedang mengurus bagi melaksanakan perjanjian ini, maka belumlah lagi ada apa-apa perkara yang berlaku. Namun begitu, suka saya menyatakan iaitu tujuan perjanjian ini diadakan adalah untuk memperkukuhkan perhubungan persahabatan yang wujud di antara kedua-dua negara dengan mempelajari dari satu sama lain dalam berbagai bidang iaitu kebudayaan, pendidikan, sains dan teknologi. Dalam rangka ini perjanjian kebudayaan ini mempunyai pertukaran-pertukaran untuk menggalakkan kerjasama kebudayaan, pendidikan, sains dan teknologi. Perkara-perkara ini sedang ditimbang-kan sehalus-halusnya oleh agensi-agensi berkenaan.

#### PENDATANG TANPA IZIN DI LADING

**4. Tuan G. Rajoo** minta Menteri Buruh menyatakan:

- (i) jumlah "pendatang tanpa izin" yang datang bekerja di ladang-ladang getah negara ini;
- (ii) jumlah pekerja negara asing yang datang secara rasmi untuk bekerja di ladang-ladang getah negara ini; dan
- (iii) apakah sebabnya belia-belia negara kita tidak mahu bekerja di ladang-ladang getah, sehingga negara terpaksa membawa masuk pekerja-pekerja asing untuk bekerja di ladang dan bagaimanakah Kerajaan bercadang mengawasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pertanian [**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed**]; Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan tidak dapat menganggarkan jumlah pekerja-pekerja asing yang terdiri dari pendatang-pendatang tanpa izin yang berkerja di negara ini kerana kemasukan mereka ke negara ini adalah tidak mengikut pintu-pintu masuk yang diwartakan dan tidak mempunyai dokumen-dokumen perjalanan atau pas atau permit yang sah. Sehingga 1hb Oktober, 1988, Jabatan Imigresen Malaysia telah mengeluarkan sebanyak 2,220 pas kerja kepada buruh-buruh asing untuk bekerja di sektor perladangan terutama di ladang-ladang getah. Mereka adalah seperti berikut:

- (a) Buruh Thailand 1,369 orang
- (b) Buruh Bangladesh 382 orang
- (c) Buruh Indonesia 69 orang.

Kekurangan tenaga buruh di ladang-ladang bukanlah satu masalah baru. Masalah ini lazimnya berlaku di ladang-ladang pedalaman yang jauh dari bandar terutamanya di mana kemudahan asas kurang sempurna. Selain daripada itu, masalah ini timbul kerana belia-belia dari kawasan desa lebih berminat untuk berhijrah ke bandar di mana terdapatnya berbagai kemudahan yang menarik.

Usaha bagi mengurangkan masalah ini adalah merupakan tanggungjawab bersama pihak majikan ladang dan Kerajaan. Untuk menarik minat pekerja-pekerja tempatan ke ladang, jurang perbezaan kemudahan asas dan manfaat kerja yang wujud di ladang dan di kawasan bandar perlu diseimbangkan setakat mana yang boleh .

Dalam mencapai matlamat itu, Kerajaan giat berusaha mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) mengesa majikan ladang memberi gaji dan elaun yang lebih menarik kepada pekerja-pekerjanya ;
- (ii) menggalakkan majikan ladang menyediakan rumah-rumah pekerja yang lebih selesa, lengkap dengan lain-lain kemudahan asas seperti kemudahan perubatan dan pengangkutan;
- (iii) menggalakkan pihak majikan ladang menyertai skim memiliki rumah pekerja di ladang-ladang supaya pekerja-pekerja ladang dapat memiliki rumah sendiri;
- (iv) Kementerian Buruh melalui Jabatan Tenaga Rakyat telah dan akan terus membantu ladang-ladang mendapatkan pekerja dari rakyat Malaysia .

**Tuan R.M. Jasni:** Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Kerajaan tidak dapat menganggar bilangan pekerja pendatang tanpa izin ini, bolehkah saya katakan bahawa Kerajaan telah tidak menjalankan tindakan positif untuk memastikan bilangan semua pekerja ini di syarikat-syarikat balak, di ladang-ladang sawit atau ladang-ladang koko di Sabah. Saya sebut Sabah kerana soal pekerja pendatang tanpa izin ini saya rasa tidak sahaja berlaku di Semenanjung, tetapi berlaku di seluruh negara. Itu sahaja soalan saya.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi ketegasan di sini bahawa pihak Kerajaan sentiasa menyelia, sentiasa berhati-hati dalam goal kemasukan ini. Tetapi sebagaimana saya nyatakan tadi agak sukar bagi kami hendak menentukan kemasukan-mereka kerana mereka masuk tanpa izin, tidak ada satu dokumen, tidak ada satu pass pun yang boleh buktikan mereka masuk ke ladang-ladang atau ke mana juga di negara kita ini. Jadi, saya berharap jikalau Yang Berhormat sendiri tahu siapa memasuki cara haram, umpamanya tanpa izin, sila beritahu kepada pihak-pihak yang berkenaan, yakni pihak kami.

**Tuan R.M. Jasni:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya percaya jikalau saya beri makluman, mungkin saya dapat hadiah besar.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab bahawa bagi menarik belia-belia bekerja di estet-estet, di ladang-ladang ini Kerajaan ada cadangan. untuk mengadakan satu skim perumahan. Seperti saya sedia maklum, sudahpun

10 tahun, daripada tahun 1976 hingga sekarang skim ini tidak dapat diamalkan seperti dilancarkan atau seperti dijanjikan oleh Kerajaan. Inikah sebabnya belia-belia ini tidak tertarik bekerja di ladang-ladang?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, soal skim memiliki rumah pekerja-pekerja ini bukan dapat kita kendali dalam sehari, ia akan mengambil masa yang agak panjang juga. Jadi, bersabarlah dan Yang Berhormat perlu beritahu kepada belia-belia kita bahawa kita mempunyai rancangan dan akhirnya mereka juga akan mendapat menduduki atau memiliki rumah sebagaimana yang dirancangkan itu.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kami ingin beritahu selama ini beberapa orang majikan telah didakwa ke mahkamah kerana telah mengupah pendatang-pendatang tanpa izin sebagai pekerja mereka.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, saya memerlukan satu notis, sebab itu merupakan soalan spesifik, berapa majikan.

**Tuan P. Balaram:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu setakat ini berapakah rancangan perumahan pekerja-pekerja dilaksanakan dalam negara kita ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa itu soalan lain, Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini terkeluar sedikit. Saya mohon maaf.

**TELEFON AWAM - KEMUDAHAN**

5. **Tuan Lau Keng Siong** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapa kemudahan telefon awam sangat kurang di bandar seperti Johor Bahru iaitu ibukota Negeri Johor. Sepatutnya tiap-tiap jalan di bandar Johor Bahru mesti dilengkapi dengan kemudahan telefon awam seperti yang telah dibuat di bandar Muar.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim)**: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat sejumlah 261 buah pondok telefon awam di Bandar Johor Bahru yang ditempatkan di setiap jalan utama dan tempat tumpuan orang ramai. Namun demikian, penambahan pondok telefon awam sentiasa dilakukan dari masa ke semasa berasaskan kepada keperluan semasa dan juga atas permintaan dari orang ramai dan tempat-tempat untuk membina pondok telefon awam akan dikenalpasti oleh Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STM) dan Syarikat Uniphone Sdn. Bhd. satu syarikat yang diberikan kontrak oleh STM untuk mengendalikan perkhidmatan awam di bandar itu.

**Tuan Lau Keng Siong**: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan jawapan Yang Berhormat tadi saya tidak berapa setuju oleh sebab Johor Bahru adalah ibukota Johor dan pada masa sekarang Kerajaan menggalakkan pelancong-pelancong datang ke Johor Bahru. Jikalau dibanding dengan bandar Muar saya nampak ianya masih kurang. Jadi, di sini saya minta Yang Berhormat Kementerian yang berkenaan tambahlah lebih telefon awam ini di bandar Johor Bahru.

**Tuan Tan Chai Ho**: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat menjelaskan mengapakah pemasangan kemudahan telefon tidak dilakukan di kawasan setingan. Setahu saya permohonan untuk memasang telefon di kawasan setingan Wilayah Persekutuan kebanyakan telah ditolak. Oleh itu, saya minta penjelasan mengapa hal ini terjadi?



**Tuan Ong Tin Kim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat ini agak terkeluar daripada soalan asal. Namun demikian, saya suka hati memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa bukan STM yang tidak mahu membekalkan perkhidmatan awam kepada rumah-rumah setinggan tetapi ini adalah arahan dari atas, dari Kerajaan Tempatan (Local Authority) yang meminta kerjasama daripada STM supaya jangan membekalkan perkhidmatan telefon kepada rumah setinggan

**Tuan G. Rajoo:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen beritahu adakah Kementerian Yang Berhormat membina pondok telefon rakyat di ladang-ladang getah, jika tidak, kenapa?

**Tuan Ong Tin Kim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini juga terkeluar, soalan ini mengenai telefon awam luar bandar. Tetapi namun demikian, saya suka hati memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa di ladang-ladang juga kita ada membekalkan telefon awam, tetapi pelaksanaannya ialah dari masa ke masa, bukanlah dalam satu hari kita dapat membekalkan telefon awam kepada semua ladang.

#### INSTITUT PENYELIDIKAN DAN LATIHAN

6. **Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Kerjaraya menyatakan bagaimanakah perkembangan terakhir Institut Penyelidikan dan Latihan Jabatan Kerjaraya di Serdang yang sepatutnya beroperasi pada Jun, 1988. Apakah bentuk latihan yang akan disediakan dan adakah ianya tertumpu kepada kakitangan Kerajaan sahaja atau terbuka kepada sektor swasta.

**Menteri Kerjaraya [Dato' S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, Institut Latihan dan Penyelidikan Jabatan Kerjaraya di Serdang telahpun mula beroperasi sepenuhnya pada bulan Jun, 1988 yang lalu, Pada masa sekarang institut ini sedang melaksanakan beberapa projek penyelidikan berhubung dengan kajian permukaan jalanraya, dengan izin, 'road pavement' dan juga kajian 'geo-technical' yang berkaitan dengan pembinaan jalanraya.

Berhubung dengan latihan yang dijalankan di institut ini pula, ianya adalah berbentuk latihan teknikal termasuklah juga kursus pengurusan projek yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan-kakitangan teknikal, khasnya kakitangan Jabatan Kerjaraya. Buat masa ini peserta-peserta yang menghadiri kursus pula adalah dibuka kepada kakitangan Kerajaan sahaja, termasuklah daripada Badan-badan Berkanun Kerajaan dan oleh itu ianya tidak dibuka kepada sektor swasta.

#### PUSAT ASUHAN KANAK-KANAK

7. **Puan Law Jack Yoon.** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) berapa buah pusat asuhan kanak-kanak swasta yang dijalankan sehingga tahun ini;
- (b) adakah Kerajaan membuat satu syarat yang memerlukan sesuatu pusat asuhan kanak-kanak swasta mengekalkan nisbah seorang pengasuh kepada beberapa bilangan kanak-kanak;
- (c) apakah nisbah itu; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengawal pusat-pusat itu supaya syarat-syarat yang ditentukan oleh Kerajaan dipatuhi.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan:

- (a) Sehingga bulan Oktober tahun 1988 Kementerian Kebajikan Masyarakat telah mengenalpasti sebanyak 225 buah pusat asuhan kanak-kanak di seluruh Malaysia yang layak didaftarkan di bawah seksyen 4 Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984.
- (b) Ya, Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak (Di Institusi) 1985 menetapkan syarat tersebut.

- (c) Syarat nisbah pengasuh kepada bilangan kanak-kanak adalah seperti yang berikut:-

Bilangan kanak-kanak	Kumpulan Umur	Bilangan Penjaga Kanak-kanak
1. 1-5 orang kanak-kanak.	Di bawah 3 tahun	1 orang
2. 1-10 orang kanak-kanak.	Diantara 3 tahun hingga 4 tahun	1 orang
3. 1-4 orang kanak-kanak tak upaya.	Di bawah 4 tahun	1 orang

- (d) Bagi Taman-taman Asuhan yang telah didaftarkan di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984, adalah menjadi tanggungjawab Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat untuk menyelia Taska-taska tersebut bagi memberi bimbingan dan nasihat kepada pengusaha-pengusaha Taska yang berkenaan agar mematuhi syarat-syarat pendaftaran. Bagi Taska-taska yang tidak mematuhi syarat-syarat yang berkenaan., pendaftarannya boleh dibatalkan. Sekian sahaja.

**Puan Nazidah binti Haji Zakaria:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh, saya hanya hendak mendapat sedikit penjelasan daripada pihak Kementerian definisi sebenarnya tentang Pusat Asuhan Kanak-kanak. Kadang-kadang kita dengar Taska, kadang-kadang

Tabika, kadang-kadang Tadika, Taski pun ada, yang mana sebenarnya dia punya definisi.

**Tuan Peter Chia Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, semua pendaftaran Taman Asuhan, saya rasa eloklah kita memberikan nama Taman Asuhan, sebab dalam Akta itu namanya juga Taman Asuhan Kanak-kanak, bukan Taska atau Taski.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin penjelasan kalau-kalau dapat yang lebih konkrit lagi. Pertamanya, tadi mengenai nama taman-taman itu kerana sekarang ini berleluasa nama itu digunakan, apakah tidak ada di dalam borang pendaftaran untuk menentukan nama taman berkenaan.

Kedua, bagaimanakah kurikulum kepada asas pengasuhan ini kerana terdapat di setiap taman asuhan ini berbeda sangat mengenai kurikulum ataupun susunan tata cara pelajaran, pendekatan dan lain-lainnya dan ada di antara taman-taman asuhan ini tidak langsung mengikut peraturan-peraturan dalam ilmu pendidikan kanak-kanak mengikut tingkatan umur dan perkembangan fikiran.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, nama Taska iaitu suatu short form daripada Taman Asuhan Kanak-kanak, ia dipendekkan daripada 4 perkataan itu iaitu Taman Asuhan Kanak-kanak. Untuk jawapan soal kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidaklah ada perbezaan di mana-mana syarat-syarat yang diberikan kepada sesuatu taman asuhan kanak-kanak, sebab syarat-syarat ini ditentukan dalam Akta itu dan kemudiannya di dalam Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak di Institusi-institusi Tahun 1985. Kementerian kita tidak boleh mengubah apa-apa syarat yang

kita hendak masukkan di dalam sesuatu pendaftaran itu, Pendek kata, semua syarat-syaratnya ditentukan dalam Akta ini.

Jadi, saya rasa tidak ada perbezaan antara satu dengan lain. Kemudian, jika ada kesalahan atau tidak mengikut syarat-syarat yang diberikan dalam pendaftaran itu, Kementerian memang boleh, kalau sekiranya hendak membuat begitu membawa pengusaha-pengusaha itu ke Mahkamah dan di dalam Akta itu ada, iaitu seperti Seksyen 6(2) - denda itu ialah boleh dikenakan 81,000 untuk kesalahan yang pertama, dan kesalahan yang kedua dikenakan denda 32,000.

#### POLIS WANITA - BILANGAN

**8. Puan Hajjah Habidah binti Jusoh:** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa banyakkah bilangan polis wanita di Malaysia sekarang, dan adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi dan membesarkan anggotanya untuk ditempatkan di sekolah-sekolah atau lain-lain tempat yang mempunyai masalah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob**]: Tuan Yang di-Pertua, uatuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah anggota polis wanita sekarang ialah 3,280 orang. Sukalah juga saya memaklumkan bahawa pembesaran pasukan Polis termasuk polis wanita akan dikaji dari masa kesemasa dan ianya akan dibuat mengikut keperluan berasaskan pertambahan penduduk, kadar jenayah, keadaan keselamatan semasa dan sebagainya. Mengenai penempatan anggota-anggota polis wanita di sekolah-sekolah atau lain-lain tempat yaag mempunyai masalah, sukalah saya memaklumkan bahawa ianya akan dilaksanakan jika keadaan memerlukannya berbuat demikian.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin

bertanya kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri, saya rasa angka 3,000 orang lebih anggota polis wanita boleh dikatakan banyak. Saya sudah 2 tahun di Parlimen, saya tidak tengok seorang pun anggota wanita bertugas di Parlimen. Apa salahnya diletakkan di Parlimen ini 1 atau 2 orang, Kalau hantarpun yang lawa-lawalah sedikit [Ketawa] supaya melambangkan betul-betul di Parlimen, kita tengok ada Ahli Dewan Negara dari lelaki dan perempuan begitu juga polis pun daripada lelaki dan wanita. Jadi, ada atau tidak cadangan. Kementerian Dalam Negeri untuk menghantar polis wanita bertugas di Parlimen.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, untuk kepentingan Yang Berhormat; Jabatan Polis akan mengkaji perkara ini [Ketawa]

**Tuan V, K. Sellappan:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya jumlah bilangan polis wanita bukan bumiputera adalah sangat rendah. Bolehkah Timbalan Menteri Dalam Negeri memberitahu apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan lagi bilangan polis wanita bukan bumiputera?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dibawa oleh Yang Berhormat itu juga ialah masalah Jabatan Polis kerana kadangkala kalau kita mengadakan temuduga di bandar-bandar di seluruh negara dan kita tentukan bahawa kita sangat-sangat berkehendakkan anggota polis wanita daripada kaum-kaum lain daripada kaum bumiputera, tetapi sambutan yang telah diberikan sangatlah dingin. Kadangkala pasukan temuduga terpaksa memberi extra hari, dengan ini, untuk menunggu kalau-kalau ada, kerana yang berminat untuk menjawat jawatan yang tinggi-tinggi ramai, tetapi yang bermohon untuk jawatan yang rendah terlalulah sedikit. Inilah

masalah yang dihadapi oleh Jabatan Polis dan juga dihadapi oleh Yang Berhormat sendiri.

**Tuan Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri menjelaskan sejauh manakah prestasi polis wanita dalam menjaga keamanan atau keselamatan negara secara keseluruhannya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Dalam Negeri sangat berpuas hati dengan prestasi polis wanita, terutama kalau ditempatkan untuk menjaga lalu lintas dan sebagainya. Kerana kita tahu bahawa pemandu-pemandu, termasuklah pemandu-pemandu lelaki cukup takut dengan sikap polis wanita kerana mereka tidak main-main [Ketawa] , mereka akan menjalankan tugas dengan sungguh baik.

## PERUMAHAN UNTUK PEKERJA LADANG SENGKANG, PORT DICKSON

9. **Tuan Koh Im Pin** minta Menteri Buruh menyatakan sama ada projek perumahan untuk pekerja-pekerja Ladang Sengkang, Guthrie di Pasir Panjang, Negeri Sembilan akan dijalankan ataupun telah dibatalkan; tapak projek ini telah dirasmikan oleh bekas Menteri Besar Negeri Sembilan melebihi 10 tahun tetapi masih tidak dilaksanakan hingga sekarang. Projek ini dicadangkan oleh Timbalan Menteri Kesihatan Dato' K. Pathmanaban, M.P. kawasan tersebut.

Timbalan Menteri Buruh [**Tuan Kalakau Untol**]: Tuan Yang di-Pertua, Ladang Sengkang kepunyaan Kumpulan Guthrie Sdn. Bhd. di Pasir Panjang, Port Dickson, Negeri Sembilan adalah sebuah ladang getah seluas 2,930 hektar yang mana mempunyai seramai 450 orang pekerja. Daripada jumlah tersebut, seramai 349 orang pekerja telah-pun disediakan perumahan.

Ladang ini adalah sebuah ladang yang pertama sekali menyertai Skim Memiliki Rumah Pekerja semasa Skim ini dilancarkan. Apabila ladang ini bertukar milik kepada Permodalan Nasional Berhad pada tahun 1982, pihak majikan baru telah mengkaji semula projek perumahan ini daripada aspek ekonomi. Kajian ini melibatkan keperluan yang menyediakan infrastruktur dan bekalan air ke kawasan perumahan yang dicadangkan.

Syor-syor pelaksanaan projek perumahan tersebut hasil daripada kajian itu telahpun diluluskan oleh Majlis Daerah, Port Dickson pada bulan Julai 1987. Sekarang ini, majikan ladang sedang mengambil tindakan selanjutnya untuk membina 325 unit rumah untuk menjayakan projek Skim Memiliki Rumah Pekerja ini.



## LAWATAN WARGANEGARA MALAYSIA DAN CHINA

10. **Tuan Tiong Hiew King** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, memandangkan Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Rakyat China telah menandatangani satu persetujuan perdagangan dan akan menandatangani juga satu persetujuan jaminan pelaburan (pada akhir bulan November), dan MAS telah menandatangani satu persetujuan dengan pihak Penerbangan China tentang penerbangan antara Kuala Lumpur-Guong Zhou:

- (i) apakah Kerajaan kita akan bercadang menghapuskan syarat had membolehkan pengusaha-pengusaha kedua-dua negara saling kunjung-mengunjung secara lebih bebas atas urusan perdagangan dan pelaburan; dan
- (ii) apakah Kerajaan kita akan bercadang melonggarkan syarat bagi membolehkan rakyat kedua-dua negara mengadakan pelancongan dengan mudah.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Kerajaan sekarang ini talah memberi banyak kelonggaran dalam syarat-syarat untuk warganegara Malaysia dan Republik Rakyat China untuk melawat kedua-dua negeri untuk tujuan perdagangan dan ekonomi. Antaranya ialah pengusaha-pengusaha Malaysia dibenarkan pergi ke Republik Rakyat China bagi tempoh sahingga 12 bulan jika bukti-bukti yang sah menjalankan perniagaan dan ekonomi dapat ditunjukkan. Kebenaran yang serupa juga diberi kepada warganegara Republik Rakyat China yang datang untuk tujuan perdagangan dan ekonomi.
- (ii) Kerajaan akan mengkaji lawatan untuk melancong jika timbul keperluan-keperluannya nanti.

**PENDATANG HARAM VIETNAM - LAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI**

**11. Tuan Foo Boon Liang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah sebab atau rasional Timbalan Perdana Menteri membuat lawatan ke negeri Vietnam baru-baru ini dan apakah matlamat yang dicapai hasil daripada lawatan itu.

**1.12.88**

**11. Tuan Tan Chai Ho** minta Menteri Luar Negeri menjelaskan:

- (i) apakah hasil telah diperolehi oleh Timbalan Perdana Menteri dalam lawatan beliau ke Vietnam baru-baru ini;
- (ii) apakah langkah akan diambil oleh pihak Vietnam untuk menghantar balik kesemua pelarian Vietnam yang kini ditempatkan di Pulau Bidong, Terengganu; dan
- (iii) berapa jumlah perbelanjaan telah dikeluarkan untuk menyara hidup mereka di Pulau Bidong setiap tahun.

**2.12.88-**

**30. Lt. Kol.(B) Abdul Hamid bin Ibrahim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan tujuan lawatan pegawai-pegawai Kerajaan Vietnam ke Malaysia baru-baru ini dan nyatakan hasil-hasil yang diperolehi oleh Kerajaan Malaysia bersabit dengan lawatan itu.

**5.12.88**

**19. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil rundingan yang telah diperolehi oleh Timbalan Perdana Menteri di dalam siri lawatan beliau ke Vietnam baru-baru ini.

**7.12.88**

**15. Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih** minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan beliau ke Vietnam baru-baru ini, iaitu adakah Menteri yang berkenaan mengesyorkan agar Vietnam mengambil semula rakyatnya yang kini berada di Pulau Bidong, dan menempatkan mereka di sebuah kawasan di Vietnam, sementara menunggu negara-negara lain memberi tempat kepada mereka sebagai penduduk tempatan.

**8.12.88**

**28. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil dari lawatan pegawai-pegawai dari Kementerian Luar Vietnam baru-baru ini mengenai pelarian Vietnam yang masih berada di negara ini sesuai dengan persetujuan yang telah dicapai semasa Timbalan Perdana Menteri melawat Vietnam tempoh hari.

**13.12.88**

**15. Tuan K. Sivalingam** minta Menteri Luar Negeri menjelaskan apakah hasil dari rundingan antara negara kita dengan Vietnam mengenai penempatan semula pelarian Vietnam.

14.12.88

**5. Tuan Haji Jaafar bin Haron** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah hasil yang dicapai mengenai lawatan Timbalan Perdana Menteri ke Hanoi selama empat hari terutama mengenai masalah Pelarian Orang Vietnam ke negara kita ini dan juga kepentingan bersama dua hala.

Menteri Luar Negeri [**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar**]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini bersama-sama dengan soalan-soalan oleh Yang Berhormat Tuan Tan Chai Ho pada 1.12.1988; Yang Berhormat Lt. Kol.(B) Abdul Hamid bin Ibrahim pada 2.12.1988; Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang pada 5.12.1988; Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih pada 7.12.1988; Yang Berhormat Dato Haji Zakaria bin Haji Yahaya pada 8.12.1988; Yang Berhormat Tuan K. Sivalingam pada 13.12.1988 dan Yang Berhormat Tuan Haji Jaafar bin Haji Haron pada 14.12.1988 kerana soalan-soalan mereka adalah sama.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang saya turut sertai ialah untuk membincangkan masalah pendatang haram Vietnam. Semasa lawatan tersebut, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah berbincang dengan pemimpin-pemimpin negara Vietnam, termasuk Presiden Vo Chi Cong; Perdana Menteri Do Muoi; dan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Luar Negeri Nguyen Co Thach.

Di dalam perbincangan-perbincangan tersebut, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah memaklumkan keputusan Malaysia untuk menutup Pulau Bidong kepada orang-orang pelarian Vietnam dan Vietnam telah diminta untuk memberikan kerjasama mereka.

Vietnam telah menyatakan persetujuan mereka menerima kembali rakyatnya yang sekarang berada di Pulau Bidong yang ingin pulang ke Vietnam. Vietnam juga bersedia cuba memujuk mereka pulang ke Vietnam dan bersetuju untuk menghantar satu rombongan ke Malaysia untuk berbincang lanjut bagi maksud tersebut. Selanjutnya negara itu juga telah menyatakan pihaknya akan mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan untuk menyekat rakyatnya keluar secara haram dari negara itu dan akan melicin dan meluaskan serta mempercepatkan proses, dengan izin, Orderly Departure Programme supaya program tersebut menjadi saluran yang tunggal bagi rakyatnya mendapat izin meninggalkan Vietnam.

Sejajar dengan usaha kita mencari penyelesaian yang menyeluruh dan kekal, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah juga berhubung dengan pemimpin-pemimpin Vietnam mengenai perlunya diadakan Persidangan Antarabangsa mengenai perkara ini. Saya ingin memaklumkan bahawa Vietnam bersetuju menyertai secara aktif Persidangan Antarabangsa tersebut yang dicadangkan pada awal tahun 1989, dan juga bersetuju menyertai semua mesyuarat-mesyuarat persediaan mengenainya.

Sebagaimana yang Dewan yang mulia ini sedia maklum, satu rombongan pegawai-pegawai Vietnam telah datang ke Malaysia pada 29hb Oktober hingga 3hb November dan telah mengadakan rundingan lanjut dengan pegawai-pegawai kita mengenai perkara ini. Rombongan Vietnam itu telah diberi peluang untuk bertemu dengan sekumpulan pendatang haram Vietnam di Kem Kelulut, Terengganu untuk menerangkan kesanggupannya menerima mereka pulang ke Vietnam. Pihak Vietnam juga telah menerima hakikat bahawa keputusan Kerajaan Malaysia untuk

menutup Pulau Bidong adalah hak kita, iaitu dengan izin, sovereign right. Perbincangan dua hala ini akan terus diadakan lagi demi mencari penyelesaian mengenai masalah ini.

Pembiayaan pendatang haram Vietnam di Malaysia dikendalikan oleh pihak UNHCR, iaitu dengan izin, United Nations High Commissioner for Refugee. Semenjak tahun 1975 hingga akhir tahun 1987, pihak UNHCR telah membelanjakan sebanyak \$128,831,425.00 untuk membiayai pendatang haram Vietnam di Malaysia. Dalam tahun 1988, UNHCR menganggarkan sebanyak \$13,720,012.00 akan dibelanjakan bagi membiayai pendatang-pendatang haram ini.

**Tuan Hassan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, mengikut pengalamannya, apakah pihak Vietnam benar-benar serius dalam hendak mengatasi masalah yang kita sedang hadapi di Pulau Bidong itu?

Soalan keduanya yang berkaitan, apakah pelarian-pelarian yang ada di Pulau Bidong itu akan sanggup hendak pulang sekiranya mereka diberi peluang pulang?

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, dari apa yang kita dapati melalui lawatan yang berkenaan dan juga tindakan-tindakan susulan oleh Vietnam, kita berpendapat bahawa Vietnam adalah serius di dalam perkara ini kerana selain daripada menghantar pegawai-pegawai ke mari maka Vietnam telahpun menghadiri beberapa mesyuarat yang telah kita adakan mengenai perkara ini pertamanya di Bangkok dan juga akan datang ke mari pada bulan Disember untuk perbincangan selanjutnya.

Yang kedua, mengenai sama ada pendatang haram ini sanggup pulang ke Vietnam, perkara ini belumlah dapat dipastikan tetapi dari apa yang kita dimaklumkan oleh pihak British bahawa ada beberapa ratus orang yang berada di Hongkong telahpun menyatakan persetujuan mereka untuk pulang ke Vietnam dan kita berharap bahawa mereka yang berada di Pulau Bidong juga akan berbuat demikian.

**PEKERJA KILANG TERTINDAS**

12. **Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim** minta Menteri Buruh menyatakan adakan Kementerian Buruh sedar bahawa pekerja-pekerja di kilang-kilang tertindas oleh pihak majikan seperti berikut:

- (a) diberhentikan kerja dengan notis yang singkat;
- (b) diberhentikan semasa bertugas tidak kira siang atau malam, selepas di berhentikan terus disuruh pulang;
- (c) diberi pilihan minta berhenti atau diberhentikan jika minta berhenti akan mendapat ganjaran dan 4 bulan gaji, walaupun sudah bekerja selama 4 tahun.

Timbalan Menteri Buruh [**Tuan Kalakau Untol**]: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan bahagian-bahagian (a) dan (b) kepada soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, ingin saya menegaskan bahawa Kementerian Buruh sentiasa memberi perhatian yang serius kepada sebarang tindakan menindas oleh majikan-majikan terhadap pekerja-pekerjanya. Majikan-majikan yang ingin menamatkan perkhidmatan seseorang pekerja, hendaklah mematuhi kepada tempoh notis untuk berhenti kerja yang ditetapkan dalam kontrak perkhidmatan di antara majikan dengan pekerja itu sendiri dan jika tidak ada kontrak perkhidmatan yang dibuat di antara kedua-dua pihak tersebut, majikan-majikan hendaklah mengikut tempoh-tempoh minima untuk menamatkan perkhidmatan yang ditetapkan dalam Akta Kerja 1955. Oleh yang demikian, pihak majikan tidak boleh memberhentikan pekerja-pekerja dengan sewenang-wenangnya.

Bagi menjawab bahagian (c) pula, ingin saya menjelaskan bahawa tidak menjadi kesalahan bagi majikan-majikan menawarkan kepada pekerja-pekerja untuk berhenti kerja dengan bayaran ganjaran dengan beberapa bulan gaji tambahan, asalkan pekerja-pekerja dengan

sukarela menerima tawaran itu dan tawaran-tawaran yang ditawarkan itu tidak kurang daripada bayaran faedah rentikerja yang telah ditetapkan di bawah undang-undang.

Untuk memastikan pihak majikan mematuhi Undang-undang Buruh yang berkuatkuasa, termasuk syarat-syarat pemberhentian kerja, notis berhenti kerja dan pembayaran faedah rentikerja, seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai dari Jabatan Buruh sentiasa membuat pemeriksaan-pemeriksaan berkanun ke kilang-kilang dan lain-lain tempat pekerjaan sepanjang tahun. Dewasa ini pekerja-pekerja sudah mengetahui dan memahami hak-hak mereka di bawah Undang-undang Buruh dan tidak mudah lagi menjadi mangsa kepada majikan-majikan yang tidak bertanggungjawab. Di samping itu, kebanyakan daripada pekerja-pekerja di kilang-kilang kini diwakili oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja yang sudah tentu tidak membenarkan ahli-ahli mereka diberhentian kerja oleh majikan-majikan dengan sewenang-wenangnya.

Walau bagaimanapun, jika ada kes-kes tertentu yang tidak sampai ke pengetahuan Kementerian setakat ini, pekerja-pekerja berkenaan bolehlah membuat aduan ke Pejabat Buruh yang terdekat supaya aduan itu boleh disiasat dan tindakan sewajarnya dapat diambil.

**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim:** Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan di sini kerana ada perkara yang berlakulah maka soalan ini timbul.

Di satu kilang yang telah memberhentikan kerja kepada pekerja-pekerjanya di waktu tengah malam pukul 3.00 pagi, disediakan bas 7 buah, selepas diberhentikan pada malam itu juga disuruh keluar,



dalam hujan lebat seorang daripadanya sedang sarat mengandung terpaksa juga keluar pada malam itu. Ini berlaku. Saya dimaklumkan oleh pekerja-pekerja ini kerana minta bantuan macam mana hendak buat. Perkara ini berlaku di Pulau Pinang. Jadi, itulah sebabnya soalan ini keluar supaya dapat perhatian daripada Kementerian Buruh.

**Tuan Kalakau Untol:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kes ini amat spesifik dan Kementerian ini mengambilkira apa yang telah dibincangkan dan akan disiasat dan tindakan sewajarnya akan diambil selepas penyiasatan. Terima kasih.

#### AHLI PARLIMEN AUSTRALIA - CAMPUR TANGAN URUSAN MALAYSIA

13. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap sikap 150 ahli Parlimen Australia yang cuba mahu mengambil tahu dan cuba campur tangan urusan dalam negeri kita. Setelah kita menghantar bantahan atas sikap itu, apa pula sikap Kerajaan Australia terutama Perdana Menterinya ke atas ahli-ahli Parlimennya.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya perkara campur tangan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah bantahan yang disampaikan oleh sekumpulan 105 Ahli-ahli Parlimen Australia melalui sepucuk surat yang dihantar kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap penahanan-penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dalam bulan Oktober, 1987. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menjawab surat tersebut di antara lain menerangkan keadaan yang sebenarnya. Yang Amat Berhormat telah menyeru Ahli-ahli Parlimen tersebut supaya tidak mencampuri masalah kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sikap Kerajaan Australia ke atas Ahli-ahli Parlimennya, saya rasa bukanlah untuk kita membuat apa-apa kenyataan. Kerajaan telah memberi penerangan penuh mengenai ISA dan terpulanglah kepada mereka menunjukkan pengertian mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut sudahpun cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hiagga 32 adalah]**

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN 1987  
(N0.2) 1988****Bacaan Kali Yang Kedua**

3.46 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin**]:  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan-wang yang disatukan, untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk Maksud-maksud yang tertentu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$2,831,700 dikeluarkan daripada Kumpulan-wang Disatukan untuk membiayai Perbelanjaan Tambahan bagi perkhidmatan tahun 1987 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini.

Sebenarnya Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga, 1987 adalah berjumlah \$95,170,410 tetapi sebanyak \$2,831,700 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini kerana baki daripada jumlah peruntukan tersebut sebanyak \$92,338,710 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada Perbekalan Undang-undang tertentu. Tambahan peruntukan sebanyak \$2.8 juta ini yang diminta diluluskan di bawah Rang Undang-undang adalah untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai bayaran emolumen kakitanganambilan tempatan dan kakitangan dari Malaysia di Pejabat-

pejabat Perwakilan Malaysia di seberang laut. Pemberian dan sumbangan Kerajaan Malaysia kepada pertubuhan-pertubuhan antarabangsa iaitu Suruhanjaya Selatan-Selatan, Tabung Perpaduan Islam dan Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) serta menampung kadar peruntukan matawang asing dalam tahun 1987 di bawah Maksud B.27 Kementerian Luar Negeri.

Butiran-butiran dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan ini adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31 Tahun 1988 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31A Tahun 1988.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [**Datuk Haji Hussein bin Ahmad**]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk Perbelanjaan Tamahan bagi perkhidmatan tahun 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk Maksud-maksud yang tertentu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom.

3.49 ptg.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan dan peluang untuk bangun dan menyokong suatu Akta yang diminta untuk diluluskan di dalam Dewan ini untuk menggunakan sebahagian daripada Kumpulanwang yang Disatukan sebanyak

\$2.8 juta untuk Keraenterian Luar Negeri yang perlu dibayar dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu dalam kesempatan ini, saya mohon izin untuk bercakap sedikit di luar perbahasan ini kerana di dalam sesi mesyuarat yang lalu, saya tidak ada di dalam Dewan kerana menunaikan fardhu Haji.

Izinkan saya untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana dilantik sebagai Yang di-Pertua atau Presiden Dewan Negara juga kepada Timbalannya.

Saya mengucapkan tahniah kepada bekas Presiden Dewan Negara atau bekas Yang di-Pertua Dewan Negara yang telah memberi pimpinan kepada Ahli-ahli Dewan ini. Semoga dengan kehadiran Datuk Yang di-Pertua sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara yang ada sekarang ini perjalanan Dewan Negara ini akan lebih memberi makna, berkesan dan lebih panas daripada masa-masa yang telah lalu kerana pengalaman Tuan Yang di-Pertua sendiri sebagai Ahli Senat dan sebagai ahli politik yang begitu lama dan masak di dalam liku-liku peatadbiran negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, \$2.8 juta yang telah dibelanjakan oleh Kementerian Luar Negeri sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi untuk pembayaran pekerja, petugas, tabung perpaduan Islam dan lain-lain, kita menyokong. Saya menyokong di atas usaha Kerajaan di dalam melaksanakan atau di dalam menjalankan peranan dan tugas kita di luar negeri supaya nama kita Malaysia ini bertambah baik, bertambah harum dengan khidmat-khidmat kita kepada negara-negara lain dan sekarang ini hubungan baik di antara Malaysia dengan negara-negara lain melalui Kementerian Luar Negeri yang dipimpin oleh seorang Menteri Luar Negeri yang begitu lemah-lembut dan berdiplomasi saya percaya nama Malaysia akan lebih harum di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa hal yang ada hubungan dengan Kementerian Luar Negeri terutama sekali yang ada hubungannya dengan pergolakan negara-negara Islam sekarang ini seperti pembentukan negara Palestin, perjuangan Mujahiddin di Afghanistan, Kementerian Luar Negeri hendaklah mengambil peranan yang lebih tegas, lebih berkesan, lebih memperlihatkan dan menampakkan bahawa Malaysia memberi sokongan kuat kepada perjuang-perjuang itu untuk memperlihatkan bahawa kita Malaysia adalah sebuah negara yang benar-benar mengakui Islam sebagai agama rasmi negara kita. Dalam negeri, kita bertoleransi dengan rakyat kita yang berbilang agama, tetapi di luar negeri, kita hendaklah menyatakan pendirian kita yang cegas. Kalau misalannya permintaan bantuan yang dikehendaki oleh umat Islam di lain-lain negara yang tertindas, Malaysia sebagai sebuah negara yang mengakui Islam sebagai agamanya hendaklah jangan lambat-lambatkan dan jangan tunggah-tungguh dan jika sekiranya derma yang dipungut melalui umat Islam, melalui orang ramai dalam negara kita ini tidak cukup banyak misalannya, Kerajaan boleh menambahkan dan boleh bawa ke Dewan ini untuk minta

diluluskan di dalam Perbekalan Tambahan. Kerana ini adalah untuk menjaga nama baik negara kita dan itu antara kita dengan negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, satu hal yang ada hubung kaitnya dengan negara-negara lain iaitu apa yang saya hendak sebutkan di sini ialah berlaku di Kuala Lumpur ini sendiri dari pegawai dan isteri pegawai Kedutaan asing di dalam negara kita ini, yang ditempatkan di negara kita ini. Selain daripada mereka mengadakan majlis silatullahim dengan penduduk setempat, maknanya dengan orang Kuala Lumpur, dengan pelajar-pelajar pusat-pusat pengajian tinggi yang ada dekat Kuala Lumpur ini, mereka mengadakan majlis-majlis perkenalan, makan minum dan perjamuan dan sebagainya, dalam pada itu mereka mengadakan satu gerakan untuk menhidupkan perkembangan syiar Islam ala-Wahabi. Kita ini, Malaysia mengakui mazhab Shafie. Jadi, apabila ajaran daripada mazhab Wahabi cuba dikembangkan di dalam negara kita ini oleh kedatangan orang-orang daripada Kedutaan negara lain ini sudah menimbulkan satu cerita yang menimbulkan perbahasan.

Kalau tadi kita bercakap mengenai dengan Arqam dalam soal jawab, dalam perbahasan Belanjawan nanti kalau ada masa saya akan cuba sentuh ini. Kalau Arqam itu tidak memudaratkan negara, memang betul Arqam tidak memudarat negara, tetapi Arqam memudaratkan keyakinan dan keimanan. Lain jawapan Menteri dengan maksud pertanyaan, dan ini begitu juga. Jadi, kalau sudah timbul dalam negara kita golongan anti Hadis, dan baru berapa bulan yang lalu timbul mengenai dengan kumpulan yang cuba hendak menhidupkan mazhab Syi'ah, sekarang ini berlaku orang yang cuba menjalankan gerakan hendak menhidupkan ajaran Wahabi di Malaysia melalui Kedutaan, melalui isteri

pegawai atau kakitangan Kedutaan. Adakah Kementerian Luar Negeri atau Kerajaan sedar dalam hal ini, diperbodoh-bodohkan kita orang Malaysia ini? Kumpulan baca Yasin, khurafat, majlis tahlil khurafat, kenduri-kendara khurafat. Semua yang dibuat oleh orang Malaysia tidak betul, kecuali sembahyang, Allahuakbar, rukuk, sujud, assalaamualaikum, boor!... Itu yang betul. Jadi, yang betul, ikut ajaran Rasulullah. Yang orang Malaysia wirid panjang-panjang itu pun khurafat, bid'ah, ini.

Jadi, nampaknya, problem kita mengenai menghadapi pengajaran Islam yang sebenar ini akan semakin bertambah lagi satu masalah. Jadi, kalau Kerajaan atau Kementerian Luar Negeri atau Bahagian Hal Ehwal Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri belum dapat mencium gerakan ini, saya sedia memberikan maklumat. Kita tidak mahu kerana itu nanti timbul keretakan atau timbul pula percanggahan pendapatan. Sekarang ini di dalam masyarakat kita macam-macam cerita, sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri berucap di dalam majlis Ijtimak Ulama dua hari yang lalu menyebut berbagai-bagai masalah yang ada hubung kait dengan masalah Islam, keimanan, ketauhidan di dalam negara kita. Tambah lagi satu masalah.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Perbekalan Tambahan Kementerian Luar Negeri sebanyak \$2.8 juta ini dan dengan ini saya menyokong Akta ini untuk diluluskan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon.



**3.58 ptg.**

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian di dalam perbahasan tentang Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan untuk Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap tahun beratus-ratus anak-anak Malaysia keluar dari tanahair untuk menimba ilmu di luar negeri. Pelajar-pelajar kita ada tersebar di seluruh dunia dari Timur ke Barat dan dari Utara ke Selatan. Malaysia juga ada banyak Kedutaan ditempatkan di beberapa bandaraya di Amerika Syarikat, United Kingdom, Kanada, negara-negara Arab, Australia, Jepun dan lain-lain. Kedutaan-kedutaan Malaysia haruslah memainkan peranan yang lebih berkesan supaya hal ehwal pelajar-pelajar kita sentiasa di dalam perhatian pihak Kedutaan. Telah berlaku banyak kejadian di mana pelajar-pelajar kita didakwa di mahkamah luar negeri. Ada yang ditangkap kerana terlibat di dalam kegiatan-kegiatan agama yang sesat, perompakan, pembunuhan anak sendiri, najis dadah dan lain-lain jenayah yang merosakkan imej negara kita dan membawa penderitaan kepada keluarga mereka yang berada di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kedutaan mestilah faham kepada keperluan-keperluan, masalah emosi dan kewangan semasa pelajar-pelajar kita berada jauh dari keluarga mereka.

Pihak Kedutaan-kedutaan harus ada hubungan rapat dengan setiap pelajar itu. Pihak Kedutaan seolah-olah ibubapa angkat kepada mereka. Pegawai-pegawai kedutaan mesti sedia memberikan bimbingan dan kaunselling pada bila-bila masa untuk menolong pelajar-pelajar itu menyesuaikan diri dalam keadaan yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, setiap pelajar tanpa mengira yang ada biasiswa atau tidak mesti diberi layanan dan perhatian yang sama, supaya mereka boleh mencapai matlamat mereka iaitu menimba ilmu. Walaupun seseorang pelajar itu bukan dibiayai oleh Kerajaan untuk melanjutkan pelajaran di luar negeri, kerugian wang dan tenaga juga akan dirasakan oleh pihak Kerajaan, jika mereka gagal.

Pelajar-pelajar di luar negeri mesti mendapat apa juga berita mengenai perkembangan di negeri asalnya. Kedutaan-kedutaan mestilah selalu mengadakan taklimat dan ceramah untuk menyampaikan hal ehwal semasa di Malaysia. Penuntut-penuntut mudah dipengaruhi oleh surat-khabar asing yang suka menimbulkan emosi yang kuat dengan memberikan gambaran yang salah. Akibat daripada ini penuntut-penuntut kita mengadakan aktiviti tunjuk perasaan di luar negeri. Kegiatan ini akan mengganggu pelajaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu, saya memberikan sokongan di atas Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan), 1988. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di- Pertua:**Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin.  
**4.03 ptg.**

**Puan Ainon binti Ariffin:** Terima kasih , Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut mengambil bahagian bersama-sama untuk menyokong Rang Undang-undang iaitu suatu Akta Bagi Menggunakan Wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan Tambahan bagi Perkhidmatan 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu, dan maksud-maksud yang tertentu itu telah dicatatkan dan yang telah diminta untuk diluluskan ialah di bawah Maksud B.27 iaitu bagi Kementerian Luar Negeri yang berjumlah \$2,837,700, iaitu angka yang disebutkan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Kewangan kerana Kementerian Kewangan nampaknya amat memahami masalah dan keperluan yang ditanggungjawabkan kepada Kementerian Luar Negeri, sebuah kementerian yang memainkan peranan yang penting bagi menaikkan imej negara, perhubungan negara dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah negara di luar negeri .

Dan ucapan tahniah juga patut diberikan kepada Kementerian Luar Negeri yang akhir-akhir ini telah banyak mengusahakan beberapa perkara yang telah menimbulkan kejayaan dan kecemerlangan terutamanya dalam menangkis perkara-perkara yang telah diburuk-burukkan kepada negara kita sendiri.

Umpamanya beberapa perkara yang telah didalangi oleh anasir-anasir negara luar yang ingin melihat negara kita kucar kacir atau sengaja bertujuan menawan ataupun masuk campur dalam masalah negara kita telah dapat diredakan, malahan ada di antaranya dapat dibersihkan dengan kerjasama dan usaha gigih daripada Kementerian Luar

Negeri yang telah diterajui dan telah dibawa sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Kita juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai tonggak negara Malaysia melalui Kementerian Luar Negeri yang telah berjaya melobi perwakilan asing yang menyebabkan Malaysia telah memenangi untuk menjadi anggota dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu dalam pemilihan yang baru lalu dengan undi majoriti.

Ini satu kejayaan dan satu sejarah dalam menaikkan imej serta perkembangan negara kita di Bangsa-bangsa Bersatu khususnya dan di dunia amnya.

Selain daripada itu, Kementerian Luar Negeri juga ada memainkan peranan dan telah membawa satu kejayaan kepada ucapan yang begitu drastik, yang begitu berani dan terus terang daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di persidangan Bangsa-bangsa Bersatu yang baru lalu mengenai penindasan kepada rakyat yang miskin di negara-negara ketiga yang kebanyakannya dieksploitasikan oleh negara-negara yang maju iaitu yang memegang kuasa besar di dunia yang suka bertopengkan pembelaan kepada rakyat miskin di negara lain, tetapi sebenarnya mengeksploitasikan kes yang berkenaan.

Tahniah juga patut diberikan kepada Kementerian Luar Negeri di atas daya usaha dan kejayaan menarik pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara yang ingin saya sentuh mengenai peranan kedutaan dan pegawai-pegawai kedutaan kita di luar negeri khususnya mengenai usaha mengawal hal ehwal pelajar-pelajar kita, mengambil berat mengenai untung nasib pelajar-pelajar kita dan mendekati pelajar-pelajar kita. Kita dengar dan kita tahu bahawa ada di antara pelajar-pelajar kita itu telah dengan mudahnya

dipengaruhi oleh elemen-elemen yang tidak sihat di luar negeri dan ada juga di antara pelajar kita yang merana dan menghadapi masalah persendirian tanpa mendapat perhatian ataupun mendapat apa-apa pertolongan daripada pihak kedutaan kita.

Baru-baru ini beberapa orang pelajar-pelajar daripada luar negeri atau pelajar yang datang daripada negara Europe, America, Middle East dan juga Australia dan negara-negara di dalam ASEAN telah dapat menemui para pemimpin yang ada di Malaysia. Daripada mereka **itu**, kita telah mendapat pengesahan beberapa perkara yang pernah saya perkatakan di Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, pada pengal-penggal yang lalu iaitu masih terdapat, bukan semua, ada gap ataupun jurang yang jauh di antara pegawai-pegawai kedutaan kita di luar negeri dengan pelajar-pelajar kita yang berada di tempat-tempat yang mereka wakili. Pelajar-pelajar itu mengatakan mereka amat sukar untuk berhubung dengan pegawai-pegawai di kedutaan kita dan ada di antaranya yang telah berada di luar negeri selama 5 tahun, tetapi tidak pernah berpeluang menemui duta kita atau pun wakil duta kita. Banyak perkara telah mereka perkatakan tetapi saya hendak menyatakan perkara pokok supaya pendekatan ataupun pengawasan dan penelitian kepada pelajar-pelajar kita di luar negeri ini, pihak kedutaan kita perlu juga memasukan sebagai satu aktiviti priority, bukan sebagai satu perkara sampingan.

Kita faham memang ada Kementerian Pendidikan dan juga Institusi Pengajian Tinggi kita menghantar pegawai-pegawai khusus mengawasi mereka di mana dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Pelajar ataupun ada pengawasan tertentu yang didacangi oleh pegawai-pegawai daripada Kementerian Pendidikan.

Tetapi oleh kerana pada hari ini hanya tajuk Kementerian Luar, saya ingin membuat sentuhan, ingin membuat suatu saranan kepada Menteri yang berkenaan, yang saya tahu memang sangat mengambil berat tentang perkara-perkara ini, supaya memberikan taklimat atau mengarahkan dan kemudian membuat susulan kepada kedutaan-kedutaan kita di mana kedutaan yang kica tahu ramai pelajar-pelajar dari Malaysia, tidak kira apa kaum asalkan mereka itu pelajar-pelajar dari negara kita mengambil berat tentang masalah perkembangan, keadaan, kedudukan mereka di universiti-universiti berkenaan.

Kalau didengar ada satu-satu masalah yang berkenaan dengan kemalangan, berkaitan dengan perkara-perkara psikologi atau mereka telah dipengaruhi oleh anasir-anasir yang tidak sihat sama ada pelampau-pelampau agama ataupun oleh golongan-golongan liar maka eloklah kedutaan juga membantu usaha-usaha mendekati mereka, memberikan bimbingan, tunjuk ajar atau gunakanlah pegawai counselling yang ada di kedutaan itu sama-sama untuk menengokkan masalah mereka.

Satu daripada cerita yang menyedihkan yang dikemukakan oleh pelajar-pelajar kita ini ialah di mana satu peristiwa seorang pelajar wanita telah dijadikan gundek oleh seorang lecturer daripada bangsa dan agama lain. Setelah ianya dibawa kepada kedutaan dan kepada Jabatan Penuntut Malaysia (MSD) tiada apa-apa tindakan dibuat. Mereka cuba bertindak sendiri dengan cara rasa kasih sayang, rasa kurang senang atas sikap yang berlaku. Tiga empat orang pelajar lelaki telah merayu kepada pihak yang berkenaan supaya menghentikan perbuatan ini. Tetapi mereka telah dikasar. Mereka dalam perjalanan di suatu hari untuk membuat kajian di sebuah library telah dipukul oleh kumpulan pihak yang ditegur. Apabila perkara ini dibawa ke pihak MSD dan kemudian cuba menghubungi kedutaan, mereka tidak mendapat apa-apa layanan yang wajar. Ini satu contoh, kejadian. Bukanlah saya minta kejadian itu diperbesarkan atau diteliti tetapi yang pentingnya pengaduan mereka diambil berat dan kemudian

diberikan perhatian dan diberikan pengawasan supaya kejadian pelajar-pelajar kita liar mengikut ala-kebudayaan kuning tidak banyak berlaku walaupun mungkin tidak boleh dihentikan sama sekali kerana kalau pelajar-pelajar itu pelajar persendirian tentulah sukar kita hendak mengawalinya. Tetapi kalau yang dihantarkan oleh Kerajaan dan negara, saya rasa mereka boleh diawasi dan dikawal serta diberi perhatian supaya tidak berlaku. Begitu juga mengenai pelajar-pelajar yang menentang Kerajaan yang telah dirasuk oleh elemen-elemen luar negeri dan ada di antara mereka ini telah diindoktrinasikan dengan fahaman-fahaman tertentu lalu pulang ke tanahair menjadi dalang-dalang dan menjadi penggerak ke arah anti Kerajaan ataupun anti kepada establishment. Perkara-perkara ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua, banyak berlaku dan sedang berlaku dan bersyukurlah Kerajaan kita mengetahui perkara ini, tetapi mengetahuinya setelah berlaku. Alangkah baik jikalau kita mencegah sebelum berlaku kerana mencegah lagi baik daripada merawatnya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan perkara-perkara itu saya harap diberi perhatian yang berat.

Satu perkara lagi ialah mengenai disiplin di kalangan kaki-tangan kedutaan negara kita sendiri. Elok juga rasanya orientasi selalu diadakan. Ada baiknya. Kita bukan hendak mengajar Kementerian Luar Negeri tetapi memberikan pandangan. Pegawai-pegawai kedutaan kita juga perlu kita selalu dekati dengan rasa kenegaraan, rasa kekitaan kerana mereka berada di luar negeri dua tiga tahun mungkin ada di antaranya agak terlupa dengan sifat-sifat kenegaraan Malaysiannya dan rasa kekitaan Malaysiannya. Kerana ada berlaku



peristiwa yang menunjukkan pegawai-pegawai ini tidak menyedari ianya adalah duta kepada rakyat Malaysia bukan duta kepada Kementerian sahaja atau duta kepada kumpulan keluarganya atau dirinya. Maksud saya ada yang sombong dan bongkak. Dan ada diantaranya maaf saya, isteri-isteri juga bersikap begitu. Jadi merasakan kerana dia isteri seorang duta maka dia merupakan permaisuri lalu melupai bahawa mereka adalah utusan duta rakyat Malaysia yang mesti ada perasaan kerakyataan Malaysia, kekitaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan yang demikian saya sekali lagi menyokong akan Akta yang ada di hadapan kita ini dan mengharapkan ianya akan diluluskan kerana sudahpun dibelanjakan. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Puan Habidah binti Jusoh.

4.15ptg

**Puan Habidah binti Jusoh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana negara kita Malaysia telah dipandang oleh mata dunia begitu hebat dengan terlantiknya sebagai anggota Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini sebagaimana yang disentuh oleh Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin sebentar tadi.

Maka sesuaiilah dengan peluang ini dan eloklah digunakan peluang yang ada ini dengan sebaik-baiknya untuk menambat hati dan pandangan pemimpin-pemimpin dunia tentang negara kita Malaysia, dan juga untuk memikat hati pelabur-pelabur dunia terhadap business di negara kita, di samping menarik para pelancong berkunjung ke negara ini disebabkan beberapa perkara faktor sampingan seperti kedudukan mata wang kita yang sudah jatuh di mata dunia. Ini adalah baiknya dari konteks pelancongan ditambah pula dengan iklim politik negara yang mantap dan cuaca yang boleh sesuai oleh semua manusia di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu memandangkan kepada betapa mustahaknya wakil-wakil negara ataupun anggota Majlis Keselamatan Bangsa-bangaa Bersatu tersebut maka perlulah Kerajaan memilih orang yang benar-benar berpengetahuan luas dan matang dengan segala perkembangan negara ini. Dengan harapan yang besar ini akan menaikkan lagi imej negara kita serta meningkatkan lagi prestasi perdagangan antarabangsa. Juga boleh menambahkan lagi kekukuhan kewangan di mata dunia.

Dengan ini saya mengharapkan Kerajaan janganlah melantik mereka yang tidak cinta ataupun sayangkan negara ini yang mana ada setengah-setengah golongan menjadikan negara ini sebagai tempat mencari makan dan mengaut kekayaan sahaja dan membawa kekayaan tersebut ke negara lain untuk kesenangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan rekod dan perjanjian antarabangsa yang dibuat oleh negara kita Malaysia di dalam semua bidang perhubungan maka Kerajaan kita perlulah memberi peruntukan yang secukupnya kepada mana-mana Kementerian yang terlibat dengan permasalahan ini.

Saya juga mencadangkan di Dewan yang mulia ini untuk menambahkan lagi perjumpaan dan persidangan satu-satu Kementerian dengan Kementerian yang sama dengan negara-negara ASEAN di seluruh dunia. Seperti yang pernah diadakan persidangan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, persidangan Kementerian Pendidikan dan akan bersidang tidak lama lagi Kementerian Kebajikan Masyarakat negara-negara ASEAN, kerana ini dapat mengubah dan sesuai dengan treaty dan ikatan perjanjian antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai tambahan Kementerian Luar Negeri ini saya juga mencadangkan agar diadakan perjumpaan duta-duta asing yang berada di negara ini dan perjumpaan itu hendaklah diadakan di negeri-negeri di Malaysia ini seperti di Terengganu misalnya dan di situ dapatlah diterangkan kepada mereka itu mengenai sesebuah negeri di Malaysia ini, tentang bentuk dan sistem pemerintahan yang berjalan di negara ini dan dipaparkan gambaran yang sebenar kepada mereka itu.

Dengan ini kita mengharapkan mereka itu dapat menarik pelabur asing dan pengilang besar bagi menjalankan perusahaan mereka di negeri-negeri lain di Malaysia selain daripada Kuala Lumpur dan Selangor sahaja.

Saya amatlah berharap supaya kilang-kilang yang besar juga akan wujud di negeri Terengganu dengan adanya perjumpaan Duta-duta dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi asing di negeri-negeri yang kurang maju di Malaysia ini. Kita harap persidangan itu janganlah diadakan sambil lewa sahaja seolah-olah melepaskan batuk ditangga, biarlah ianya berkesudahan dengan memberi kesan yang berguna kepada perikatan persahabatan dan kemajuan di bidang perdagangan dan pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga harus sedar bahawa untuk menjayakan satu-satu Kementerian, ia perlulah mengadakan berbagai-bagai aktiviti bukan sahaja di peringkat kebangsaan bahkan juga di peringkat antarabangsa. Oleh itu Kerajaan tidaklah boleh serik bagi mengadakan persidangan demi persidangan di peringkat antarabangsa sama ada di adakan di dalam negara ini sendiri atau menghantar wakil ke negara lain untuk menghadiri persidangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai perbekalan Kementerian Luar yang sama-sama kita bahaskan di dalam Dewan ini, maka saya juga mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan beberapa rombongan lawatan perdagangan yang lebih kerap ke negara-negara luar dan memberi galakan yang sebaik-balknya kepada peniaga-peniaga Islam yang berada di negara ini untuk berniaga di pusat-pusat Islam seperti Mekah, Madinah dan lain-lain negara.

Kita sedar bahawa terdapat barang dari negara ASEAN yang dijual di negeri tersebut pada musim haji. Saya juga mencadangkan agar kemudahan ini dapat diberikan kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji bagi mengadakan satu-satu misi atau satu-satu kumpulan peniaga Islam Malaysia ke Tanah Haram Mekah ataupun Madinah yang didaftarkan di bawah Tabung Haji. Bukan sebagai peserta menunaikan fardhu haji sahaja, bahkan ianya adalah sebagai peniaga-peniaga ataupun pedagang-pedagang yang hendak berniaga di Mekah ataupun di Madinah dengan barang dagangan yang dibawa bersama atau sebagainya kerana ini pada pandangan saya dapat menghantarkan daripada mereka yang benar-benar pergi untuk menunaikan haji dengan mereka yang pergi ke Mekah kerana berniaga dan di samping itu menunai fardhu haji, ibarat kata, sambil menyelam sambil minum air dan ini kemungkinan tidaklah menjadi gangguan kepada bakal-bakal haji.

Hanya setakat itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, dan dengan ini saya pohon menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih.

4.25 ptg.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih:** Tuan Yang di-Pertua saya ingin juga mengambil bahagian untuk menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan. bagi perkhidmatan tahun 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, sokongan yang kita beri itu memang kena

pada tempatnya kerana tanpa wang sebarang kerja tidak akan jadi. Kita sering mendengar rungutan pelancong-pelancong dari Malaysia apabila mereka pergi ke luar negeri, mereka juga apakala balik bersungut tidak sempat berjumpa dengan pegawai-pegawai Konsul kita dan pegawai-pegawai Embassy kita yang boleh memberi sedikit sebanyak pandangan dan maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini kita sering mendapat tahu dan mendengar daripada penuntut-penuntut Malaysia khususnya di luar negeri, di Amerika, di England dan juga Eropah tentang maklumat dan siaran hal-hal kedudukan politik dan ekonomi negara. Mereka terlalu dahaga kepada maklumat-maklumat itu. Apakala saya berada di United States dua bulan sudah, saya dapati pelajar-pelajar ini perlu sangat risalah-risalah, sebab itu separuh daripada bag saya mengandungi risalah-risalah; majalah-majalah dan akhbar-akhbar yang ada kaitan sedikit sebanyak dengan ekonomi dan politik saya bawa bersama. Mereka ini boleh dikatakan payah mendapat maklumat. Apabila saya bawa majalah-majalah dan risalah-risalah itu, mereka berebut-rebut untuk mendapatkannya untuk dibaca dan hendak mengetahui.

Di dua perjumpaan yang dibuat di tempat itu seperti di Utah dan di California, saya dan seorang Penolong Commissioner Pengakap yang sudah bersara, bersamalah kami berjumpa dan membuat satu majlis dialog. Di dalam kesempatan itu saya dapat tahu pegawai-pegawai dari Jabatan Penuntut Malaysia (MSD), mereka ini lebih suka tinggal di California. Ramai mereka ada di mana tetapi Embassy kita jarang menegur barangkali, dan saya sudah membawa perkara ini kepada makluman Menteri Pelajaran supaya mereka ini jangan asyik seronok

tinggal di California sahaja. Sepatutnya mereka pergi menjelajah ke kawasan-kawasan pendalaman di mana boleh dikatakan penuntut-penuntut kita ini bertaburan,

Dalam satu-satu universiti mereka ini adalah 50 orang atau 100 penuntut. Tidak kesahlah sama ada dia dibiayai dengan biasiswa ataupun tidak, supaya dapat kita memerhatikan gerak geri mereka supaya kita juga dapat memberi peransang kepada mereka itu. Ini tidak. Ini juga satu perkara yang perlu kita ambil berat supaya Embassy atau Konsul-konsul kita di sana menasihat atau memberi kerjasama yang sepuh dengan MSD. Begitu juga dengan Perbadanan Pembangunan Pelancongan (TDC). Yang sedih sedikit, di California itu saya dapati pejabatnya sudah hendak dicari kerana pihak TDC ini tidak mampu hendak membayar sewa yang mahal, duduk di satu ceruk atau di mana-mana sehinggakan saya siasat tiga empat kali tidak boleh jumpa tempat itu. Penuntut-penuntut kita di sana pun hendak pergi mencari tempat itu susah, akhirnya saya berbual dengan telefon dengan pegawai yang berkenaan. Dia kata, "Apa hendak buat, di sini teruk, sewanya tinggi dan sebagainya, masalah wang." Pegawai itu minta supaya saya jangan laporkan namanya. Beliau selanjutnya memberitahu kekurangan kemudahan yang ada di sana.

Hari ini kita membesar-besarkan isu pelancongan dan di ketika ini kita ada peruntukan tambahan. Maka eloklah pihak Kementerian Luar Negeri bergabung tenaga, dengan izin, pool resources dengan TDC dan juga MSD supaya banyak natijah kita dapat.

Satu lagi, saya dapati pihak TDC malahan Embassy kita misalnya, kalau ada satu-satu rancangan atau kerja-kerja hendak dibuat, ada

kemungkinan kerapnya diambil pekerja-pekerja yang bukan daripada rakyat Malaysia. Apakah salahnya mereka **ini**, seperti penuntut kita yang ada masa yang boleh memberi khidmat mereka secara sukarela diambil, contohnya seperti kita dengar di Mekah, mutawif itu terdiri daripada penuntut-penuntut, anak-anak Malaysia yang sedang belajar di madrasah-madrasah dan universiti-universiti Islam di sana. Mereka juga menjadi mutawif yang boleh dikatakan cukup sempurna kerana mereka tahu adat sopan dan tatasusila orang-orang Malaysia di sini maka mudahlah bagi mereka itu menjalankan tugasnya.



Kalau dapat budak-budak kita ini membuat pekerjaan seperti di Las Vegas, bekerja tempat perjudian sambil-sambilan, saya dapat lihat juga anak-anak Malaysia kita ini, yakni penuntut yang buat kerja sambil ini rata dia bekerja, tak ada siapa mengawal (control) dia. Jadi beginilah keadaannya sedang berlaku di luar negeri. Ada baiknya dengan adanya peruntukan ini kita dapat menambahkan memberi sedikit-sebanyak fasiliti yang baik.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Satu lagi berkenaan dengan tempat kita harus mencari pekerjaan iaitu tempat pekerjaan di mana kita lihat kalaulah sekiranya Konsol ataupun pihak-pihak pegawai kita daripada luar negeri ini di Pejabat-pejabat Konsol atau di Embassy ini mencari tempat-tempat potential di mana anak-anak Malaysia ini boleh bekerja. Sebabnya, saya dapati budak-budak kita ini kalau dia manja di tempat kita, kalau kita hantar dia tempat lain sama hatta bekerja secara kontrak sekalipun dia pandai bawa nasib dan dirinya, dia akan jadi manusia yang boleh capai kejayaan yang cemerlang. Ini satu usaha perlu kita buat sebab kita ini macam kata pepatah kita: anak dikandung dibiarkan laparan pada hal kera di hutan kita menyusui, pada hal kita ini banyak sangat memberi pertolongan, memberi kerjasama, memberi banyak faedah kepada orang luar negeri. Daripada Kerajaan-kerajaan luar yang minta sedikit sebanyak bantuan, kita beri, pada hal kita beri tempat untuk latihan dan sebagainya. Banyak ada contoh, mengapa pula kita tak boleh minta kerjasama daripada negara-negara luar? Biarkan dia tunjuk satu-satu tempat potential mereka berniaga, tempat-tempat potential mereka boleh bekerja hatta dengan cara kontrak sekalipun, memadailah bagi peringkat mula, sebab ini juga

satu cara yang boleh kita mengurangkan pengangguran.

Yang kedua, kita beri satu semangat bagi mereka ini sanggup bekerja di luar, dia sanggup menjadi pedagang. Jadi, dengan cara begini dia boleh mengenal nasib dia. Ini satu cara perlulah Kementerian Luar Negeri kita ini usahakan.

Seperkara lagi kita hari ini sepertimana, banyaklah Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. Sekarang kita, Malaysia diberi satu penghargaan dan tempat tetapi kita harus sedar iaitu dalam negeri dan di luar juga kita perlu hati-hati tentang keselamatan khususnya keselamatan yang boleh kalau terancam keselamatan hatta sekali dengan perbuatan ataupun dengan apa cara sekali, dengan kelakuan dan perangai, ini juga akan membawa satu gejala yang kurang sihat atau boleh membawa kepada imej Malaysia terancam, jadi ini perlulah kita jaga. Peristiwa atau kejadian yang kita dengar janganlah kita anggap sebagai perkara titik bengek kecil, tak perlulah hendak memberi perhatian yang serius, ini kita akan kerugian satu ketika nanti, akan kita dicabar ataupun akan disalahkan, kata kita ini hal keselamatan kita tak begitu menitikberatkan. Apa yang sudah berlaku mahupun ada kaitan dengan agama ataupun dengan bida'ah yang mereka ikut itu, apa sahaja sekali hatta pergaduhan atau perselisihan fahaman, misal kata di antara penuntut kita yang berlainan bangsa, sebab saya juga dapati di beberapa universiti di sana percampuran budak-budak kita ini dia tak begitu jalin.

Contohnya ialah budak-budak Melayu ini. Mereka suka kumpulkan anak-anak Melayu sahaja. Begitu juga orang-orang bukan Melayu ini mereka kumpulkan di sesuatu tempat, Mereka juga masuk dalam satu-satu kelab yang berasingan, jadi percampuran hatta dengan

penuntut-penuntut Eropah ataupun penuntut-penuntut Amerika bercampur-gaul pun kurang. Sepatutnya ini diberi satu teguran.

Jadi kalaulah pegawai-pegawai MSD ini kerap pergi ke tempat mereka itu, mereka dapat tahu seperti ajaran-ajaran daripada guru-guru Afghanistan baru-baru ini saya dapat berjumpa, cara sembahyang betul. Apakala saya pergi ke satu masjid di mana gereja itu dijadikan masjid di Sacramento, kemudian itu saya pergi ke San Francisco, saya dapat juga bertemu dengan budak-budak kita, cara sembahyang semua itu bagus tetapi cara ajaran dia itu sekali-sekali sesat juga. Jadi budak-budak kita ini mungkin diajar ajaran ataupun sesuatu yang tak boleh menyenangkan kita, keluar daripada mazhab kita, mereka keluar daripada sunnah dan jemaah.

Ini perlu kita tegur tetapi tidak ada orang mengawasi, memerhati. Ini akan membawa satu gejala yang kurang sihat daripada kita. Kemudian emak bapa yang serah bulat-bulat kepada badan-badan tertentu yang mengeluarkan biasiswa akan merasa tak begitu senang hati apakala mereka balik tidak akan menjadi rakyat yang berguna kepada tanahairnya.

Perkara yang saya hendak tekankan di sini, Tuan Yang di-Pertua, adalah kerjasama yang sepenuh perlulah diwujudkan di antara semua agensi-agensi Kerajaan, khususnya di luar negeri di mana peranan yang penting perlulah dimainkan oleh Kementerian yang berkenaan agar matlamat kita, cita-cita kita dan cita-cita negara tercapai.

Maka dengan ini saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang tersebut itu. Sekian, terima kasih.

**4.27 ptg.**

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan untuk Kepala B.27 Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat saling bertindih di antara satu sama lain tetapi jika dianalisa maka kita dapati soal-soal yang dibangkitkan adalah boleh dipecahkan kepada:

- (i) peranan Kementerian Luar Negeri dan agensi-agensi Kerajaan yang lain terhadap pegawai-pegawai Kerajaan kita di luar negeri dan juga kepada pelajar-pelajar kita di luar negeri;
- (ii) supaya kita mengawasi penuntut-penuntut dan juga pegawai-pegawai yang terdapat di luar negeri;
- (iii) berkenaan dengan dasar kita mengenai beberapa Kerajaan yang ada kaitan dengan penuntut-penuntut dan pegawai-pegawai kita di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya kebanyakan daripada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sedang dan akan dijalankan oleh Kerajaan pada umumnya sebab jika kita pandang secara luas kita dapati bahawa bukan sahaja Kementerian Luar Negeri yang akan terlibat dengan cadangan-cadangan dan syor-syor yang telah dibangkitkan tetapi Kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pendidikan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), PETRONAS, MARA dan sebagainya yang telah banyak memberi biasiswa kepada penuntut-penuntut kita di luar negeri.

Mungkin sebahagian besar daripada cerita-cerita yang dibangkitkan sudahpun diheboh-hebohkan dalam akhbar, apatah lagi akhir-akhir ini seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Law Jack Yoon yang mengatakan bahawa ada penuntut-penuntut yang sedang dan yang telah terlibat dengan jenayah dan telah melibatkan kematian ataupun telah melibatkan diri mereka dengan rompakkan seperti yang berlaku di Australia baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut pengetahuan saya pada peringkat ini boleh dikatakan semua pelajar-pelajar yang hendak dihantar ke luar negeri diperlukan ataupun diwajibkan mengikuti satu briefing, dengan izin, sebelum mereka di hantar ke luar negeri. Briefing ini dijalankan oleh Pegawai-pegawai Kerajaan yang berkaliber dan mempunyai information yang cukup tentang tanggungjawab mereka semasa mereka di luar negeri dan selepas mereka balik ke Malaysia nanti. Tetapi apabila mereka keluar dari negara ini, tentu sekali seperti ahli-ahli psikologi yang faham, kadang-kadang pengaruh environment adalah lebih kuat daripada pengaruh hereditary, dengan izin, ataupun ibu-bapa . Apabila kanak-kanak ataupun pelajar-pelajar ini keluar jauh daripada pengaruh ibu-bapa, maka tentu sekali pengaruh environment itu mengambil alih, oleh kerana itulah maka kadang-kadang oleh kerana environment itu terlalu kuat dan menyebabkan mereka bertukar kelakuan ataupun perangai mereka dan menyebabkan mereka mengambil pendirian tertentu. Maka kita dapati bahawa adalah wajar juga penuntut-penuntut ini disuruh pulang seketika untuk diberi briefing di pertengahan. kursus mereka itu dan

selepas mereka pulang mereka dikehendaki berjumpa dan diberi briefing sekali lagi, Walau bagaimanapun, apa sahaja yang berlaku, yang penting ialah pendirian kanak-kanak itu sendiri daripada kecil-kecil mereka di ajar di sekolah, environment di rumah dan juga didikan oleh ibu bapa sekalian

Walaupun bagaimanapun, Kementerian Luar Negeri, Kementerian-kementerian yang terlibat amat sedar tentang masalah-masalah yang terdapat. Apatah lagi tentang masalah-masalah yang terdapat di dalam jabatan-jabatan MSD, yang ada kaitan dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk mengawasi penuntut-penuntut kita di luar negeri.

Untuk maklumkan Ahli Yang Berhormat, saya tidak bertujuan untuk menjawab satu persatu isu-isu yang telah dibangkitkan, tetapi memadai saya bercakap secara umum, bahawa pada akhir-akhir ini apabila perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat- diketahui dan dibawa kepada Kementerian yang berkenaan. Apatah lagi kepada Kerajaan pada umumnya beberapa langkah telah diambil. Pertamanya, pegawai-pegawai yang dihantar menjadi MSD Director ataupun Pengarah MSD, sebenarnya dipilih daripada orang-orang yang bertanggungjawab dan bermoral tinggi dan oleh kerana itu maka kita dapati pada akhir-akhir ini terdapat sedikit kebaikan atau improvement dari segi pengawasan penuntut-penuntut dan juga pengawasan pegawai-pegawai di tempat-tempat yang disebutkan.

Walaupun bagaimanapun, sudah menjadi satu lumrah bahawa sesuatu yang hendak dibuat itu mengambil masa yang panjang, apatah lagi pengaruh yang terdedah kepada penuntut-penuntut ini amatlah kuat. Insya Allah, semua perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang

Berhormat telah dicatit dan akan mendapat perhatian yang sewajarnya dan Kerajaan, sentiasa menghantar pegawai-pegawai sekali-sekala untuk pergi melihat dan memperhatikan kalakuan anak-anak kita di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaarom bin Maasom telah membangkitkan berkenaan dengan ajaran-ajaran sesat yang berlaku bukan sahaja di luar negeri tetapi juga di dalam negeri. Ini juga ada di dalam pengetahuan Kerajaan dan oleh kerana itu, insya Allah, sesuatu tindakan mungkin dapat diambil untuk membanteras dan mengawal keadaan yang sedemikian.

Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin telah mengesyorkan supaya langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengawasi kegiatan pelajar seberang laut. Saya telahpun jawab seperti yang telah Senator tahu, boleh dikatakan tiap-tiap tahun kita mengadakan kursus-kursus pra - yang dibuat sebelum mereka ini dihantar ke luar negeri dan banyak Menteri-menteri, Timbalan Menteri dan Pegawai-pegawai yang terlibat di dalam kursus-kursus ini. Salah satu daripada tajuk yang diajar ialah berkenaan dengan pendidikan moral, pendidikan kewarganegaraan, sedikit berkenaan sejarah, ekonomi negara dan tentu sekali tidak ketinggalan iaitu memperkuatkan semangat dan cita rasa mereka. Untuk makluman Yang Berhormat, saya sendiri telah terlibat dengan kursus-kursus demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bertujuan untuk terus menjawab satu persatu. Walau bagaimanapun, semuanya telah dicatit oleh pegawai-pegawai dan saya ingin mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian

di dalam berbahasan Rang Undang-undang ini. Sebenarnya, yang kita perlukan seperti saya sebutkan hanyalah 32.8 juta sahaja untuk bayaran kepada Kepala-kepala yang telah saya sebutkan tadi iaitu sumbangan Malaysia kepada Pertubuhan Antarabangsa iaitu Selatan-selatan ataupun Perpaduan Islam, Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) serta menampung kadar pertukaran matawang asing pada tahun 1987. Walaupun pada dasarnya banyak perkara-perkara yang terkeluar sedikit yang dibangkitkan, saya mengucapkan terima kasih bagi pihak Kementerian Luar Negeri oleh kerana sudinya Yang Berhormat untuk membawa kepengetahuan Kerajaan perkara-perkara yang telah dibincangkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

#### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

**Datuk Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.



**RANG UNDANG-UNDANG WANG TAK DITUNTUT (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****4.50 ptg.**

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Wang Tak Dituntut, 1965 dibaca kali yang kedua sekarang .

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk memperkemaskan lagi tafsiran-tafsiran dan prosedur-prosedur yang berkaitan dengan pengurusan Wang Tak Dituntut serta untuk memberi kuasa yang lebih luas kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut bagi membolehkan urusan pentadbiran dilaksanakan dengan lebih licin dan berkesan.

Pada masa ini urusan pentadbiran mengenai Wang Tak Dituntut adalah di bawah bidang kuasa Pendaftar Wang Tak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara dengan berpandukan kepada Akta Wang Tak Dituntut, 1965. Akta berkenaan memperuntukkan bahawa apa-apa wang yang sepatutnya dibayar oleh sesebuah syarikat kepada pihak pemiliknya tetapi telah tidak dituntut oleh pihak-pihak yang berhak menuntutnya dalam sesuatu tempoh yang ditetapkan hendaklah diserahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut untuk dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

Wang Tak Dituntut itu termasuklah dalam bentuk wang gaji, dividen, bonus, faedah dan wang simpanan dalam akaun di bank-bank, perbadanan-perbadanan, badan-badan awam dan pertubuhan-pertubuhan awam yang diisytiharkan sebagai syarikat oleh Menteri Kewangan mengikut peruntukan Seksyen 8 subseksyen (1) Akta berkenaan.

Dalam melaksanakan urusan pentadbiran Wang Tak Dituntut itu, Tuan Yang di-Pertua, pihak Pendaftar Wang Tak Dituntut mendapati bahawa terdapat beberapa kelemahan dalam setengah-setengah peruntukan Akta itu yang menyebabkan perlaksanaannya tidak dapat dijalankan dengan licin dan berkesan.

Kelemahan-kelemahan itu termasuklah:-

- (i) peraturan-peraturan mengenai bayaran pengiklanan yang dikenakan kepada syarikat-syarikat kerana mengiklankan daftar wang tak dituntut mereka dalam Warta Kerajaan seperti yang diperlukan mengikut Akta. Bayaran iklan ini dirasakan tidak patut dikenakan kerana syarikat-syarikat yang membuat iklan itu tidak mendapat apa-apa faedah daripadanya. Ia dibuat atas kehendak Akta;
- (ii) peraturan-peraturan yang sedia ada juga memberi peluang kepada syarikat-syarikat untuk melambatkan penyerahan wang tak dituntut kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut;
- (iii) denda-denda yang boleh dikenakan ke atas kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini adalah agak rendah dan tidak berkesan untuk mengurangkan kadar kesalahan yang dilakukan;
- (iv) kuasa pemeriksaan oleh Pendaftar Wang Tak Dituntut adalah tidak begitu menyeluruh yang menyebabkan sukar baginya untuk bertindak dengan lebih berkesan lagi; dan
- (v) beberapa tafsiran didapati tidak lengkap dan menyebabkan ada setengah-setengah perkara yang boleh dielakkan daripada tertaklak kepada Akta berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi kelemahan-kelengahan itu, pindaan-pindaan sewajarnya perlu dibuat ke atas Akta Wang Tak Dituntut, 1965 seperti yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2 bertujuan untuk memansuhkan seksyen 3 Akta berkenaan yang pada masa ini memperuntukkan bahawa peruntukan-peruntukan Akta itu hendaklah dibaca dan ditafsirkan sebagai pembantu dan bukan untuk mengeneipikan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang ada kaitan dengan pelupusan Wang Tak Dituntut. Dengan memansuhkan seksyen 3, semua syarikat dan firma akan dikawal oleh Akta itu dalam perkara-perkara berkaitan dengan pelupusan wang tak dituntut. Pindaan ini juga akan mencegah syarikat dan firma, termasuk bank, daripada memasukkan sesuatu fasal tertentu dalam kaedah-kaedah ataupun peraturan-peraturan mereka yang membolehkan pelupusan wang tak dituntut dibuat bagi faedah mereka dan seterusnya mengelak pemeriksaan oleh Pendaftar Wang Tak Dituntut.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda sesuatu kesilapan gubalan dalam seksyen 7 Akta berkenaan iaitu untuk mengubah tanda kurungan yang terdapat dalam seksyen itu.

Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 8 sebagaimana berikut:

- (a) memansuhkan subseksyen (2) dan nombor subseksyen "(1)". Ini adalah untuk mensesuakannya dengan pemansuhan seksyen 3;

- (b) menggantikan perenggan (c) iaitu menggantikan takrif "company", dengan izin, dengan perenggan baru. Perenggan ini mentakrifkan semua organisasi sebagai syarikat, kecuali yang diisytiharkan oleh Menteri sebagai bukan syarikat. Cadangan ini adalah lebih praktikal memandangkan proses pengisytiharan sesebuah organisasi sebagai syarikat adalah rumit dari segi pentadbiran, lebih-lebih lagi memandangkan bilangan organisasi itu semakin bertambah setiap tahun;
- (c) meminda takrif "owner", dengan izin, mengikut pengertian Akta Syarikat, 1965 bagi membolehkan tafsiran "owner", dengan izin, dalam Akta ini meliputi juga liquidators, dengan izin;
- (d) meminda takrif "unclaimed moneys", dengan izin, supaya ianya meliputi commission, simpanan tetap atau simpanan-simpanan lain, faedah simpanan dan apa-apa wang dalam kredit akaun dagangan yang telah tidak dikendalikan melalui apa-apa transaksi bagi tempoh tidak kurang daripada dua tahun.

Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 10 sebagaimana berikut :

- (a) menggantikan subseksyen (2) dengan peruntukan baru bagi membolehkan syarikat atau firma mengemukakan terus kepada Ketua Pengarah Percetakan suatu salinan daftar yang mengandungi senarai semua wang tak dituntut untuk diiklankan dalam Warta setiap tahun tanpa membayar apa-apa bayaran

bagi pengiklanan tersebut. Cadangan ini dirasakan wajar bagi memudahkan urusan oleh syarikat-syarikat;

- (b) menggantikan perkataan "four copies", dengan izin, dalam subseksyen. (3) dengan perkataan "two copies", dengan izin. Cadangan ini adalah wajar oleh kerana dua salinan daftar sahaja yang diperlukan oleh Pendaftar Wang Tak Dituntut ;
- (c) menggantikan perkataan "advertise", dengan izin, dalam subseksyen (5) dengan perkataan-perkataan "forward for advertisement:", dengan izin, bagi tujuan melepaskan tanggungjawab syarikat untuk mengiklankan salinan daftar wang tak dituntut. Pelepasan tanggungjawab syarikat ini adalah wajar oleh kerana syarikat tidak mempunyai kuasa untuk menentukan tarikh bagi sesuatu daftar diiklankan;
- (d) menggantikan perkataan-perkataan "one thousand", dengan izin, dengan perkataan-perkataan "three thousand", dan perkataan-perkataan "fifty ringgit", dengan izin, dengan perkataan-perkataan "not less than fifty ringgit and not more than one hundred ringgit", dengan izin. Kedua-duanya juga dalam subseksyen (5) bagi tujuan mengenakan penalti yang lebih tinggi ke atas syarikat-syarikat yang melanggar peraturan.

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 10 sebagaimana berikut:

- (a) menggantikan perkataan-perkataan "advertisement under sub-section (2) of section 10", dengan izin, dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan, dengan izin, "dace of lodgement with the Registrar under sub-section (3) of section 10 of copies of entries in the register kept under sub-section (1) of that section", dengan izin. Pindaan ini bertujuan untuk mengelakkan syarikat-syarikat daripada mengambil kesempatan ke atas kelewatan mewartakan daftar Wang Tak Dituntut oleh Pencetak Kerajaan dengan melewatkan pemin-dahan Wang Tak Dituntut mereka kepada Akaun Amanah Yang Disatukan.. Ini adalah kerana per-untukan yang ada sekarang mengkaitkan penyerahan Wang Tak Dituntut dengan tarikh pengiklanannya .
- (b) menggantikan perkataan-perkataan "one Chousand" dalam subseksyen (3) dengan perkataan "three thousand". Ini adalah untuk meningkatkan penalti maksimum supaya selaras dengan pindaan ke atas denda di bawah seksyen 10 subseksyen (5);
- (c) mewujudkan subseksyen baru (5) kepada seksyen 11 yang memperuntukkan bahawa faedah-faedah tidak dibayar ke atas Wang Tak Dituntut yang disimpan dalam Akaun Amanah Yang Disatukan atau Akaun Hasil Yang Disatukan.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda subseksyen (1) kepada seksyen 12 bagi memberi kuasa kepada Pendaftar atau sesiapa yang diberi kuasa olehnya untuk merampas dan menahan apa-apa buku, daftar, rekod atau dokumen yang boleh memberi keterangan mengenai ketidakpatuhan kepada Akta. Sebelum ini Pendaftar Wang Tak Dituntut hanya mempunyai kuasa untuk menjalankan pemeriksaan sahaja ke atas dokumen-dokumen tersebut yang dimiliki oleh syarikat. Di samping itu, Fasal ini juga bertujuan untuk meminda subseksyen (4) bagi meningkatkan penalti dari seribu ringgit kepada tiga ribu ringgit di atas ketidakpatuhan syarikat kepada Akta.

Fasal 8 bertujuan untuk menggantikan perkataan "may", dengan izin, dalam subseksyen (1) kepada seksyen 13 dengan perkataan "shall", dengan izin. Ini adalah untuk menjadikan mandatori bagi Menteri mengarahkan pembayaran kepada pihak menuntut yang sebenar jika tuntutan itu dibuat ke atas Wang Tak Dituntut yang telah tersimpan dalam Akaun Hasil yang Disatukan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan itu adalah dipercayai bahawa kelemahan-kelemahan yang terdapat pada masa ini dalam Akta Wang Tak Dituntut akan dapat diatasi, dan seterusnya membolehkan Pendaftar Wang Tak Dituntut melaksanakan urusan pentadbirannya dengan lebin licin dan berkesan lagi.

Bagi mencapai hasrat ini pindaan-pindaan sebagaimana yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang berkenaan adalah perlu diberi pertimbangan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [**Datuk Haji Hussein bin Ahmad**]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk Meminda Akta Wang Tak Dituntut tahun 1965, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

**Fasal 1 hingga 8** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.



## RANG UNDANG-UNDANG SETEM (PINDAAN DAN PERLUASAN)

## Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.03.ptg.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Setem 1949 dan untuk meperluaskan Ordinan itu, sebagaimana dipinda, keseluruh Malaysia dibacakan buat kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menyatukan semua undang-undang mengenai Duti Setem dengan melanjutkan Ordinan Setem 1949, dan kini hanya berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia, ke Sabah dan Sarawak. Dan pada masa yang sama memansuhkan Ordinan Setem Sarawak, Akta Setem (Syer Yang Tidak Bernombor) 1962 dan semua Seksyen dalam Ordinan Setem Sabah kecuali Seksyen 83. Di samping itu ia juga bertujuan untuk mengemaskinikan peruntukan-peruntukan di dalam Ordinan Setem 1949 dan mengadakan beberapa peruntukan yang baru bagi memenuhi keperluan semasa.

Di sini saya mohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Fasal 2 bertujuan untuk memotong takrif bagi istilah-istilah tertentu yang tidak lagi sesuai atau perlu meminda takrif-takrif tertentu agar selaras dengan peristilahan konsep dalam undang-undang berkaitan dan memansuhkan takrif 'official receipt', dengan izin, berikutan dengan pindaan yang dibuat.

Fasal 3 ialah mengenai perlantikan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri bagi Pemungut Duti Setem dan peruntukan kuasa kepada Menteri Kewangan untuk melantik Timbalan-timbalan Pemungut Duti Setem.

Fasal-fasal 4 dan 9 bertujuan mewujudkan peruntukan-peruntukan tambahan bagi membolehkan penyamaan duti ke atas suratcara-suratcara, untuk menjaminkan bayaran balik sama ada disempurnakan mengikut sistem biasa atau mengikut hukum Syarak yang berkaitan dengan pembiayaan perniagaan kecil ataupun perdagangan luar. Tanpa peruntukan-peruntukan ini suratcara-suraccara yang disempurnakan mengikut hukum Syarak boleh tertakluk kepada duti yang lebih tinggi berbanding dengan suratcara-suratcara yang disempurnakan di bawah sistem biasa.

Fasal 5 mewujudkan peruntukan-peruntukan baru mengenai pembayaran duti. Peruntukan-peruntukan mengenai kemudahan setem pos yang terdapat sekarang akan dimansuhkan. Hanya setem hasil yang sah di bawah Undang-undang akan dibenarkan di mana duti perlu dibayadengan menggunakan setem pelekat.

Di Sabah dan Sarawak bagaimanapun pilihan diberi bagi membenarkan resit rasmi yang dikeluarkan bagi bayaran-bayaran duti dilekatkan pada suratcara-suratcara berkenaan sebagai gantian kepada setem-setem. Ini adalah memandangkan di kawasan-kawasan terpencil dikedua-dua negeri yang tersebut mungkin susah untuk mendapatkan setem-setem dengan nilai yang mencukupi untuk menyempurnakan penjimatan suratcara-suratcara tersebut.

Fasal-fasal 6 dan 11 juga mewujudkan peruntukan-peruntukan baru.

Fasal 6 bertujuan, memberi kuasa kepada Menteri Kewangan

membenarkan pembayaran duti secara kompaun oleh broker—broker saham, dan syarikat-syarikat insurans ke atas nota-nota kontrak dan polisi-polisi insurans. Itu adalah untuk mendapatkan kawalan yang lebih baik ke atas pengaliran hasil dari pencukaaian suratcara-suratcara berkenaan.

Pada masa ini pembayaran secara demikian dibenarkan oleh Menteri Kewangan hanya kepada bank-bank ke atas cek-cek.

Fasal 11 pula bertujuan memberi pengecualian duti ke atas suratcara-suratcara mengenai pemindahan harta syarikat di antara syarikat-syarikat yang berkaitan rapat di mana pemindahan berkenaan. melibatkan sedikit perubahan sahaja dan hakmilik nominal harta yang dipindahmilik itu dan kawalan asas tidak berubah. Ini adalah untuk membolehkan syarikat-syarikat melakukan pemindahan asset dalam lingkungan struktur kumpulan tanpa melibatkan kos yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 15 bertujuan untuk memansuhkan peruntukan yang ada sekarang yang membenarkan pengenaan duti yang nominal ke atas sekuriti-sekuriti utama yang tertentu bagi wang. Peruntukan-peruntukan lain dalam Ordinan sekarang mengkehendaki duti berkenaan secara ad valorem ke atas jenis-jenis sekuriti utama yang biasa. Pemansuhan peruntukan yang dinyatakan di atas adalah untuk menyeragamkan pengenaan duti ke atas sekuriti-sekuriti utama.

Fasal 18 pula mewujudkan tanggungan ke atas broker-broker iaitu broker-broker saham bagi menyempurnakan nota kontrak bagi tiap-tiap urusaniaga saham dan sekuriti-sekuriti yang boleh di pasaran.

Keengganan menyempurnakannya akan tertakluk kepada penalti seperti yang disebutkan dalam Fasal 40.

Fasal-fasal 36, 37, 38, 39, 41, 43, 44, 45, 47, 48 dan 49 menambahkan penalti bagi kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan masing-masing dalam Seksyen-seksyen 60, 61, 62, 63, 65, 67, 68, 69, 71, 72 dan 74. Ini adalah memandangkan kadar-kadar penalti tidak pernah disemak semenjak Ordinan berkenaan diperkenalkan.

Fasal 50 pula bertujuan memindahkan kuasa mengompaun ataupun mengkompaun kesalahan-kesalahan di bawah Ordinan dari Menteri Kewangan kepada pemungut. Ini adalah untuk melicinkan pentadbiran.

Pindaan-pindaan lain adalah merupakan pindaan-pindaan kecil yang dibuat untuk melengkapkan Rang Undang-undang ini .

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Tang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat , masalah di hadapan Majlis ialah supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Setem 1949 dan untuk memperluaskan Ordinan itu sebagaimana dipinda ke seluruh Malaysia dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Tuan Azumu Tak.

**5.12 ptg.**

**Tuan Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk bercakap tentang Rang Undang-undang ini dan saya turut serta menyokong satu Akta untuk meminda Ordinan Setem 1949 dan untuk memperluaskan Ordinan itu, sebagaimana dipinda ke seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kadangkala apabila kita hendak membayar cukai setem di pejabat-pejabat setem ini, orangramai mendapat masalah bahawa pembayaran yang ditetapkan untuk satu-satu surat perjanjian itu tidak ditentukan, ia mengikut kerani yang menjagai kaunter yang berkenaan. Ini merugikan Kerajaan daripada segi hasil pendapatan Kerajaan dan amat mendukacitakan. Kadangkala urusan di kaunter itu mengambil masa yang agak panjang oleh kerana pegawai-pegawai yang berkenaan mengambil masa untuk membaca perjanjian-perjanjian yang berkenaan itu, Kepada broker-broker syer juga kadangkala pembayaran tidak dijelaskan mengikut apa yang ditentukan. Ini adalah kerana agaknya kekurangan-kekurangan tafsiran dari segi undang-undang yang sekarang ini kita sedang hendak menbetulkannya.

Ada juga perjanjian-perjanjian yang dibuat oleh satu pihak dengan satu pihak itu apabila telah ditandatangani tetapi tidak disetem. Tetapi apabila tiba masanya mendapat sedikit perbalahan masalah di dalam perjanjian itu, maka barulah ianya disetamkan dan selepas itu pihak pegawai yang berkenaan memaksa pihak yang bersangkutan-paut itu membayar penalti yang sepatutnya .

Tuan Yang di-Pertua, saya agak masalah seumpama ini tidaklah harus dibenarkan. Tiap-tiap perjanjian yang dibuat oleh mana-mana pihak mestilah disetamkan dengan serta-merta supaya ianya boleh menjadi efektif mengikut apa yang dikehendaki di dalam perjanjian-perjanjian yang tersebut. Hal ini adalah berlaku di Pejabat Hasil Dalam Negeri kerana mereka tidak mengambil berat sangat tentang masalah ini apabila ianya berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap masalah-masalah seumpama ini dapat diperbetulkan dan dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

5.15 ptg.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama untuk membahaskan satu Akta untuk meminda Ordinan Setem 1949 dan untuk memperluaskan Ordinan itu sebagaimana dipinda ke seluruh Malaysia. Saya bersama Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk menyokong Akta ini ialah memandangkan bahawa Akta ini sangat perlu dipinda memandangkan keadaan negara kita yang begitu pesat membangun dan banyak hal-hal yang berkaitan dengan setem ini dijalankan .

Saya menarik perhatian ini ialah beberapa perjanjian yang besar-besar yang masih tidak disetamkan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Saya memberi contoh di mana perjanjian peneroka-peneroka FELDA dengan FELDA sendiri . Perjanjian itu berjalan, selama 15 tahun sebelum peneroka menyelesaikan pembayarannya di atas tanah yang telah dikurniakan tetapi keseluruhan surat perjanjian mereka tidak disetamkan. Apabila berlaku satu masalah yang boleh membawa kepada mahkamah, maka ini saya rasa satu pertanyaan akan diterima oleh peneroka yang berkenaan. Saya berharap pihak yang berkenaan dapat mengambil perhatian yang berat perkara ini supaya tidak ada peneroka-peneroka yang teraniaya dengan sebab surat perjanjian ini tidak disetamkan.

Pada satu ketika dahulu berlaku di sebuah rancangan FELDA di Johor timbul perbalahan di antara peneroka dengan pihak pentadbiran FELDA dan salah seorang daripadanya telah nampak hal ini dan mengadu

kepada pihak Kerajaan, maka keseluruhan peneroka rancangan itu diambil balik surat perjanjian mereka barulah disetemkan. Tetapi sepanjang yang saya tahu, hanya itulah satu rancangan FELDA yang surat perjanjian disetemkan oleh pihak Kerajaan. Kenapa surat-surat perjanjian peneroka-peneroka lain tidak dibuat sedemikian? Saya rasa ini satu kelemahan pihak Kerajaan sendiri kerana tidak mengambil berat dalam hal **ini**, apatah lagi bagi pihak orang kampung yang tidak tahu selok-belok, cara macam mana untuk mengesahkan sarat perjanjian ini kepada pihak Kerajaan sendiri.

Saya juga mencadangkan supaya penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung diberi kuasa untuk mematkan setem ataupun menerima surat perjanjian dalam lingkungan tanggungjawab seorang penghulu atau ketua kampung itu dan tidaklah membebankan mereka supaya pergi ke daerah-daerah ataupun ke ibu-ibu negeri yang mana kadangkala membebankan mereka kerana tidak tahu kaedah atau selok-belok dan kadang-kadang mereka ditipu oleh orang tengah yang mengambil kesempatan untuk memberi atau menganiayakan orang-orang yang memerlukan perkhidmatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta ini. Sekian, terima kasih.

**5.18 ptg.**

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang mengambil bahagian di dalam membahaskan suatu Akta untuk meminda Ordinan Setem 1949 dan untuk memperluaskan Ordinan itu sepertimana yang dipinda ke seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar pembentangan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Kewangan mengenai pindaan Akta ini, saya ingin

mengucapkan setinggi tahniah kerana setelah begitu lama Rang Undang-undang ini tidak pernah diperhatikan, diubahsuaikan ataupun diadakan pengkajian semula, maka pada kali ini Kementerian melalui Timbalan Menterinya telah membawa Rang Undang-undang ini ke Dewan Negara dan sebelumnya Dewan Rakyat. Sesungguhnya dengan pindaan atau dengan memperluaskan Ordinan ini, saya rasa ianya akan dapat mengekemaskini lagi undang-undang berkenaan dan melegakan banyak pihak yang berkaitan atau yang selalu melibatkan diri di dalam perkara setemmenyetem ini, terutamanya kalau ini telah diluaskan puka ke Sabah dan Sarawak.



Ini berita atau satu perkembangan yang sihat yang akan disambut baik oleh Sabah dan Sarawak iaitu sebahagian dari negara Malaysia yang sepatutnya mereka juga mendapat perlindungan baik dari segi ordinan ataupun Rang Undang-undang negara ini.

Saya ingin menyentuh dua-tiga perkara daripada Rang Undang-undang yang berkenaan dan sebelumnya saya menyatakan sokongan penuh kepada Rang Undang-undang atau suatu Akta untuk meminda Ordinan yang berkenaan yang sedang kita bahaskan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai perkara di sini iaitu berkenaan dengan yang berkaitan dengan Fasal 3 iaitu meminda Seksyen 3 bagi mengadakan peruntukan bahawa Ketua Pengarah hendaklah menjadi Pemungut Duti Setem dan memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk melantik Timbalan-Timbalan Pemungut Duti Setem.

Saya rasa, ini adalah satu perkara yang boleh melicinkan, melancarkan perjalanan dan mengelakkan daripada kerja-kerja bertindan atau yang boleh menyusahkan rakyat yang ingin membuat perhubungan dengan perkara-perkara yang berkaitan. Dengan adanya pertambahan kuasa, pertambahan pegawai bagi melaksanakan tugas-tugas itu, maka segala tugas—tugas yang berkaitan dengan perjanjian, dengan segala kaitan dan segala hal ehwal yang ada kaitannya dengan duti setem akan dapat diselaraskan dengan mudah dan lancar serta dapat menyenangkan rakyat jelata.

Satu perkara lagi yang ingin saya menyentuh ialah mengenai Fasal 4 iaitu meminda seksyen 5A dengan membuat rujukan kepada pembiayaan yang dibuat mengikut hukum Syarak. Tuan Yang di-Pertua,

saya rasa ini satu lagi perkembangan sihat dan dialu-alukan oleh rakyat yang beragama Islam, kita tidak menafikan bahawa di dalam hukum syarak juga mempunyai hukum hakam yang teratur dan teliti di dalam hal ehwal perjanjian, tandatangan, apa sahaja yang berkaitan dengan perjanjian yang menggunakan duti setem.

Dengan itu nanti dapatlah perkara-perkara yang berkaitan dengan perkara yang berkenaan dari hukum syaraknya dijalankan, diusahakan kerana telah banyak kali kita dengar rungutan, rayuan dan juga desakan daripada mereka yang memahami sangat, yang arif dalam bidang ini meminta supaya ada hukum-hukum syarak yang universal ini dapat diterapkan di dalam undang-undang negara kita, syabas dan tahniah kerana ianya telah diberikan perhatian yang teliti dan nyatalah telahpun dibuat satu pindaah di dalam undang-undang yang ada di hadapan kita ini di mana ianya menyebutkan:

"Ia bertujuan memberi faedah kepada peniaga kecil yang mungkin hendak mendapatkan pembiayaan mengikut hukum Syarak kerana suratcara yang diindorskan oleh pihak berkuasa yang telah diluluskan oleh Menteri mengikut seksyen 5A akan dikenakan kadar duti yang rendah".

Jadi, Tuan Yang di-Pertua,, ini sangat bersesuaian, ekonomik dan merupakan satu kelegaan kepada rakyat yang beragama Islam dan ini menandakan bahawa Kerajaan kita sangat mengambil perhatian dan benar-benar mengiktiraf serta mempraktikkan penerapan nilai-nilai Islam.

Maka dengan Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Setem 1949 dan untuk memperluaskan Ordinan itu, sebagaimana dipinda, ke seluruh Malaysia.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(3), Dewan ini ditangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 5.30 petang.

**Persidangan disambung semula pada pukul 5.47 petang.**

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

**RANG UNDANG-UNDANG SETEM (PINDAAN DAN PERLUASAN)**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula.

**5.47 ptg.**

**Tuan Lau Keng Siong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan suatu Akta untuk meminda Ordinan Setem 1949 dan untuk memperluaskan Ordinan ini sebagaimana dipinda ke seluruh Malaysia. Di sini saya menyokong penuh atas Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan setem ini, saya hendak menyampaikan kepada Dewan yang mulia ini bahawa ada rakyat menghantar surat kepada Badan Pencegah Rasuah tidak payah setem dan Jabatan Cukai Dalam Negeri pun tidak payah setem. Tetapi kalau rakyat menghantar surat-surat kepada lain-lain Jabatan Kerajaan dikenakan setem. Ini saya fikir tidak patut. Kalau kita hendak beri percuma dan hendak memberi kesenangan kepada rakyat jelata, mengapa cuma menghantar surat ke Jabatan Rasuah dan Jabatan Cukai Dalam Negeri sahaja yang tidak payah setem? Lain-lain jabatanpun saya fikir mustahak juga, Kadang-kadang orang yang tinggal di kampung apabila hendak menghantar surat, mereka hendak membeli setem pun susah.

Saya buat satu contoh di Pejabat Besar Pos Daerah Muar. Saya sendiri ada juga menemui kesusahan itu. Pukul 8.00 pagi saya pergi ke sana, kakitangan belum bersedia lagi dan apabila hendak membeli setem kena beratur, kena queue, dengan izin, yang panjang, terutama sekali di masa-masa hendak menyambut Hari raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali,

Memang benar kita hendak membeli setem sungguh susah, Kita hendak beri wang kepada Kerajaan dan Kerajaan hendak pungut pun susah. Macam ini saya fikir tidak ada makna kalau rakyat jelata hendak membeli setem 10 sen 15 sen kena tunggu hampir satu jam. Ini saya rasa tidak patut.

Jadi, saya fikir Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos hendak ambil berat atas perkara ini.

Satu lagi berkenaan ekspres, Apabila kita kata ini ekspres, bermakna cepat, tetapi berkali-kali kita pergi ke pejabat pos kita kata hendak hantar ekspres, dia tanya hendak hantar ke mana? Dia cakap kalau hendak hantar ke bandar boleh, kalau cepat satu dua hari dapat, kalau pergi kampung, dia kata tak boleh, Jadi bermakna ekspres, orang putih 'means' - 'cepat dari biasa'. Bila kita naik bas ekspres - cepat, tak tunggu-tunggu lagi, di tengah jalan pun tak berhenti, siapa tahan pun tak berhenti. Jadi bermakna ekspres, kita kena tambah lebih belanja, tetapi pun begitu juga. Macam mana rakyat jelata hendak harap-harapkan kalau kita hantar surat-surat ini dengan ekspres, sampai hari itupun tak sampai juga. Macam mana hendak cakap, kita pun tak tahu. Apabila ditanya, dia kata tak boleh buat apa-apa, ini ikut undang-undang. Jadi kali, ini Rang Undang-undang kita hendak pinda.

Saya harap Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos akan ubah sikap akan perintah bahawa kakitangan Kerajaan kerjasama dengan orang ramai. Jangan menyusahkan orang ramai. Ini satu Kerajaan Barisan Nasional dipilih oleh rakyat jelata, tidak kira bangsa. Jadi, saya ingat kalau hendak menyusahkan orang ramai, saya fikir tak patut. Parti Barisan Nasional spiritnya sangat bagus, tetapi apabila tugas-tugas dijalankan oleh kakitangan Kerajaan berkali-kali kita bawa di dalam Dewan yang mulia ini tetapi nampaknya ubah langsung tiada. Jadi tidak ada bermaknalah kita duduk di sini. Kadang-kadang orang hantar lupa taruh setem, jadi dia kena hukum 20 sen atau 15 sen, itupun satu perkara kadang-kadang sangat rumit. Orang yang hantar

surat kepada kita tak taruh setem, kita pula kena hukum. Patutlah hukum atas orang yang hantar surat itu, baru patut. Kita yang jadi 'victim'nya, bukan orang yang hantar surat itu. Saya fikir perkara ini pun mesti hendak diubahkan.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya fikir Dewan Negara kita akan meminda Ordinan ini. Kalau selepas merainda Ordinan ini perkara pun tak diubah, saya fikir lain kali kita pun akan bawa balik perkara ini bincang lagi. Jadi selalu apabila Ahli-ahli Yang Berhormat bertanya kepada Kementerian yang berkenaan, kadang-kadang ditolakkan. Seperti tadi saya tanya mengapa Johor Bahru, ibukota negeri kita hendak menarik pelancong ke ibukota ini, telefon awam sangat-sangat kurang. Jawabnya ada tiap-tiap jalan, hujung, depan, semua ada, tetapi cakap ini semua bohong. Kalau dibanding dengan Daerah Muar, memang Daerah Muar banyak bagus, tiap-tiap jalan sekurang-kurangnya ada 6 pondok telefon awam, tak percaya saya minta pihak Kementerian yang berkenaan boleh hantar orang pergi tengok. Mengapa Muar satu daerah boleh adakan telefon, lain tempat tak boleh. Ini saya buat satu contoh sahaja, tetapi jawab tak munasabah. Kita tak puas hati.

Ada satu kali saya tanya berkenaan dengan Telekom dan Pos juga, ini ada berkaitan dengan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Mengapa orang hantar surat sampai setengah tahun tak jawab? Beliau cakap, bohong, tak benar. Bila saya tunjuk bukti, ini surat, lepas itu sudah terima. Kejar, sendiri turun ke Muar, siasat betul-betul. Jadi bukan kita jahat.

Kita sebagai Ahli Yang Berhormat ada juga bertanggungjawab kepada rakyat jelata. Tanggungan kita sama dengan Ahli Dewan

Rakyat, sama juga, Ahli Dewan Rakyat dipilih, kita dilantik - sama juga. Jangan pandang Ahli Dewan Negara rendah, tak patut. Jadi perkara ini apabila kita sudah bukti, sudah tunjuk, sekarang sudah takut. Banyak orang bila berkaitan dengan telefon atau sebagainya berkenaan pos melalui Senator, Senator forward kepada Kementerian yang berkenaan, dengan serta-merta dalam satu minggu sudah jawab, memang saya ucapkan terima kasih. Jadi, perkara ini saya fikir selepas perbahasan Rang Undang-undang ini lulus, perkara ini tak timbul balik.

Di sini saya sekali lagi ambil peluang menyokong sepenuhnya atas Akta ini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tak ada lagi? Sila.

5.57 ptg.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun;** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menyokong dan membahar secara ringkas Rang Undang-undang Akta Setem (Pindaan dan Perluasan)- 1988.

Tuan Yang di-Pertua, memang banyak yang dapat kita perkatakan atas Rang Undang-undang ini, tetapi untuk saya inginlah saya menyentuh satu aspek sahaja iaitu mengenai Stamp Office yang ada di Kuala Lumpur ini. Setakat yang saya tahu di Kuala Lumpur hanya ada satu Stamp Office iaitu yang terletaknya di Bangunan Perangsang Segemal di Jalan Kampung Atap. Setakat yang saya tahu dan mengalami, saya sendiri pun biasa pergi ke tempat itu untuk membayar setem ataupun mematikan setem, tetapi sentiasanya berlaku begitu panjang 'queue' untuk orang mematikan setem, Jadi ini menjadikan satu masalah yang besar untuk penduduk-penduduk ataupun pengguna-pengguna di kawasan Kuala Lumpur ini memandangkan ibukota tetapi hanya satu Stamp Office sahaja. Jadi dengan ini saya cadangkan supaya Stamp Office ditambah bilangannya, terutama sekali untuk pengguna-pengguna di Wilayah Persekutuan. Itu satu aspek iaitu daripada segi bilangan Stamp Office.



Keduanya, saya ingin tekankan iaitu mengenai waktu stamp office ini dibuka. Saya tahu stamp office dibuka antara 9.00 pagi hingga 11.45 pagi dan pada tengah hari antara 2.30 hingga 3.45. Jadi, masa ini pun tidak cukup, kalau orang yang biasa mengalami iaitu daripada pejabat-pejabat lawyer ataupun Pejabat-pejabat Tanah yang biasa ke situ, sentiasanya berlaku queue yang begitu panjang. Jadi, masalah ini pun saya mohon kepada pihak Kementerian supaya ditambahkan masa dan untuk meringankan lagi, menambahkan bilangan stamp office di Kuala Lumpur.

Ketiga, mengenai kedudukan stamp office, sepatutnya setem office ini, oleh sebab kita berurusan terus dengan rakyat jelata mestilah kedudukannya itu pun tempat yang sesuai dan senang orang pergi dan tempat itu tidaklah begitu terlindung daripada orang ramai. Tetapi kita dapati kedudukannya adalah di tingkat yang beberapa belas, saya tidak ingat, tetapi hendak naik ke tempat itu pun kita terpaksa menggunakan lif, kadang-kadang tergesa-gesa untuk naik ke sana dan begitu juga turun. Tempat itu pun saya dapati begitu kecil bila orang berkerumun di masa hendak dibuka. Bolehlah kita membayangkan bagaimana sesaknya tempat itu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab yang demikian inilah 3 perkara yang saya sentuh, dan saya ingin cadangkan supaya pihak Kementerian mengambil perhatian dan tindakan untuk kepentingan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong. Terima kasih.

**6.03 ptg.**

**Datuk Haji Nasir bin Haji Manap:** Tuan Yang di-Pertua, saya

berdiri di sini sama-sama menyokong dengan rakan-rakan berhubung dengan satu Rang Undang-undang yang bernama satu Akta untuk meminda Ordinan Seksyen 49 dan untuk memperluaskan Ordinan itu sebagaimana dipinda ke seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti Rang Undang-undang yang dibentangkan ini, saya merasakan Rang Undang-undang ini adalah memberi kekesanan yang lebih mendalam ataupun memberi kekesanan yang lebih baik daripada undang-undang yang sedia ada bagi kepentingan masyarakat dan juga Kerajaan, Setelah menelitinya khususnya apa yang terdapat di dalam Fasal 36, 37 dan 38, ini adalah menambahkan denda maksimum yang masing-masing diperuntukkan di dalam Seksyen 60, 61 dan 62. Dengan adanya Fasal yang saya jelaskan tadi, ini adalah lebih mengetatkan di mana-mana yang agak longgar dapat status yang begitu tinggi dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga saya perhatikan khususnya, di dalam Fasal 16, bagi meminda Seksyen 29(A), dengan tujuan mengadakan langkah-langkah yang lebih berkesan terhadap pengelakan pembayaran cukai. Ini juga satu usaha bagi mengelakkan agar mana-mana orangramai yang begitu suka untuk mengelakkan pembayaran yang diperlukan kepada mereka, mereka akan tidak dapat lari daripada undang-undang yang dibahaskan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah pentadbiran berhubung dengan setem ini, ada kaitannya di Jabatan-jabatan Kerajaan, khususnya bagi kemudahan orangramai kerana terdapat, misalnya, di Pejabat-pejabat Daerah. Selalu orangramai pergi ke Pejabat-pejabat Daerah sama ada untuk menukar nama tanah kepada anaknya ataupun ibu-bapanya ataupun

penjualan tanah dan sebagainya, iaitu di Pejabat-pejabat Kerajaan ataupun dengan kata ringkas di Pejabat-pejabat Daerah. Kita memang selalu mengalami dan mengetahui apabila bayaran setem yang dikenakan kepada pihak-pihak yang membeli ataupun yang menjual tanah, terpaksa mereka membuang masa untuk mendapatkan setem, apa yang dikehendakkan oleh pihak Pejabat yang saya jelaskan tadi. Kadang-kadang terpaksa mereka pergi ke Pejabat Pos yang berbatu-batu atau jauh juga dan membuang masa. Ini kita merasakan adalah satu kerja yang patut kita melaksanakan dengan lebih awal bagi kemudahan orang ramai, tetapi tidak dilaksanakan. Dalam hal ini eloklah di Pejabat-pejabat Daerah dan sebagainya, kita boleh menentukan sama ada kerani-kerani yang tertentu di Pejabat itu menyediakan setem sama ada setem \$1.00, \$5.00 dan sebagainya apabila sesiapa yang memerlukan setem, maka tidak payahlah orang ramai pergi membeli setem di tempat yang jauh dari pejabat mereka itu. Kalau ini kita dapat laksanakan, saya merasakan satu di antaranya akan memberikan kemudahan kepada orang ramai dan tidak membuang masa. Satu lagi ia boleh mempercepatkan urusan kerja di antara orang ramai dengan pihak Jabatan yang menunggu lama untuk mendapatkan setem daripada orangramai.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kerap kali kita dengar ada di antara orang-orang yang agak selalu suka membuat penipuan dan sebagainya, dan kita mengetahui ada di antara setem-setem yang telah digunakan, tetapi orang lain boleh menggunakan setem itu, walaupun setem itu telah dicop. Orang-orang yang melakukan kerja ini agak tidak begitu ramai, tetapi asasnya telah ada penipuan yang dilakukan oleh orang ramai terhadap Kerajaan.

Kita tidak sedar bagaimana penipuan ini dilaksanakan, tetapi apa yang kita ketahui, barangkali setem-setem yang mahal, misalnya yang berharga \$1.00 ke atas dan sebagainya, dengan mereka ada alat air yang mencuci cop itu yang dengan mudahnya hilang dan mereka boleh menggunakan lagi. Kita tidak hairan dalam hal ini kerana kalau kita kaji wang yang begitu teliti membuatnya kadang-kadang tidak dibuat di negara kita dan dibuat di negara luar, inipun dengan kebijaksanaan ataupun dengan kepandaian daripada orang yang tertentu, wang pun boleh ditiru atau dibuat oleh mereka. Kalau kita mendengar atau mendapat tahu setem-setem yang telah digunakan itu boleh digunakan lagi, ini tidaklah begitu hairan kepada kita berasaskan kepada wang kita pun boleh dibuat oleh orang-orang yang tertentu.

Dalam hal ini saya cuma meminta atau berharap kepada Kerajaan perlu mengkaji dengan begitu teliti supaya setem-setem yang digunakan bagi negara kita ini agak tidak begitu mudah untuk digunakan oleh orang lain apakala mereka memadamkan dengan cara mereka dan cop yang digunakan. kepada setem itu telah hilang. Benda ini harus dikaji kerana kalau kita tidak mengambil perhatian yang sungguh-sungguh, kalau ada sindiket ataupun kumpulan yang membuat sesuatu agak boleh menjadikan kerugian kepada negara Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga agak memerhatikan setem-setem yang dikeluarkan di negara Malaysia ini agak tidak begitu seragam, ada yang cop Melaka, Johor dan sebagainya. Kita tidak begitu kenal-pasti mengapa setem ini dibuat tidak begitu seragam yang melambangkan kepada sesebuah negeri dan ini kalau kita merasakan ini hak Kerajaan Malaysia, maka saya memikirkan tidak perlu lagi sekarang kita mengadakan setem dengan cop negeri-negeri. Apa kata kalau kita mengeluarkan setem itu atas nama suatu perkataan ataupun Malaysia dan sebagainya. Kalau ini kita dapat laksanakan adalah pandangan yang begitu tinggi khususnya kepada negara Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu agak saya kurang pasti bagaimana setem-setem ini boleh dikeluarkan dengan begitu rupa ataupun dengan membuat apabila sesuatu perayaan ataupun apabila sesuatu hari kebesaran, maka setem itu dibuat atas nama satu-satu hari perayaan, misalannya, kalau Hari Peladang, maka dicop setem itu ialah Hari Peladang dan sebagainya. Saya merasakan bentuk-bentuk begini agak tidak begitu perlu kita merakamkan atau mencatat-

kan pada setem-setem itu, Hari Peladang dan sebagainya, kita terus sahaja sebilang masa ataupun sebilang waktu dengan keadaan yang serupa dan perhatian yang agak lebih berat, maka perlu apa yang saya jelaskan tadi perlu diambil tindakan dari semasa ke semasa, semua setem-setem itu tidak akan boleh dihapuskan apabila telah digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu dalam masalah memberikan kemudahan kepada orangramai, kadang-kadang kita sedar orang-orang di luar bandar ataupun di kampung-kampung, kadang-kadang mereka tidak menghantar surat begitu setiap hari, kemungkinan dua tiga hari dan sebagainya. Masalah ini yang agak menimbulkan kesusahan kepada mereka untuk mendapatkan setem. Kadang-kadang ada di kampung-kampung hendak mengirim satu atau dua pucuk surat terpaksa pergi ke Pejabat Pos ataupun di mana-mana tempat penjualan setem yang agak memakan masa mereka untuk membeli setem. Hal yang demikian saya merasakan perlu diberi tugas juga kepada posmen-posmen yang menghantar surat, di samping mereka menghantar surat kepada orangramai perlu juga mereka membawa setem-setem yang mudah, tidaklah perlu hendak bawa setem yang \$3, \$4 dan sebagainya. Maksud saya setem-setem yang mudah yang biasa digunakan oleh orangramai, misalnya setem 20 seri ataupun 15 sen, tetapi biasanya orangramai menggunakan setem 20 sen dan mereka tahu apabila posmen-posmen ini menghantar surat di kawasan-kawasan mereka, maka mereka tidak begitu susah untuk membeli setem dengan pergi ke tempat lain dan mereka terus membeli setem daripada posmen-posmen yang berkenaan.

Walaupun saya sedar barangkali kalau posmen-posmen membawa setem di samping itu hendak jual setem dan sebagainya agak rumit sedikit kerja mereka tetapi kerja ini tidak begitu menyusahkan.

Pertama sekali mereka bukanlah membawa suatu beban yang berat yang boleh menyusahkan kerja mereka untuk menghantar surat-surat kepada orangramai, oleh sebab benda ini begitu mudah dan jualan setem ini bukanlah satu harga yang mahal. Maka eloklah kita memberikan kemudahan kepada orangramai dengan memberikan agak suatu kerja lebih sedikit kepada posmen-posmen yang menghantar surat, Di samping mereka menghantar surat, mereka juga boleh menjual setem, Tujuan utamanya adalah kemudahan kepada orangramai.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kita memang sedar, terutama sekali di luar bandar terdapat suatu pengagihan surat dengan tidak begitu sampai kepada penerimanya. Ini berlaku kadang-kadang di tempat-tempat yang jauh sedikit, di tempat-tempat yang sukar hendak pergi ke rumah-rumah yang berkenaan. Kadang-kadang kita mengetahui posmen-posmen meletakkan surat-surat orang-orang yang tertentu di kedai-kedai di dalam sesebuah kampung ataupun dengan mengirimkan kepada sesiapa yang mereka fikirkan sesuai.

Pada saya sekiranya kalau ada posmen yang agak hendak mengirimkan surat itu kepada orang-orang yang tertentu, agak itu kita tidak begitu mengambil perhatian yang sungguh-sungguh. Walaupun kita merasakan kaedah atau cara yang dibuat oleh posmen itu tidak begitu sesuai kerana kita ketahui apabila mereka pergi di dalam sesebuah kampung, katalah surat itu kepunyaan Encik Abdullah misalannya, secara kebetulan di situ ada kawan yang kenal Encik Abdullah dan dikirimkan kepada kawan yang tahu, pada saya agak tidak begitu serius sekali di dalam hal ini tetapi apabila surat-surat yang mereka sampaikan dalam kampung itu mereka letakkan di kedai-kedai dengan 5-6

surat dan sebagainya dan surat itu agak tidak disampaikan terus kepada yang empunya. Hal ini agak kita berasa dukacita juga kerana kalau ada surat-surat yang agak penting, surat-surat yang agak begitu perlu, berita yang patut diterima oleh pihak-pihak yang tertentu tetapi dengan adanya posmen-posmen yang meletakkan surat-surat di kedai-kedai di dalam sebuah kampung itu, pada saya perbuatan ini agak perlu diambil perhatian yang sungguh-sungguh supaya tidak berlaku lagi khususnya di kampung-kampung yang tertentu.



Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini ramai juga posmen-posmen yang selain daripada menggunakan basikal dan menggunakan motosikal bagi menghantar surat-surat ke kampung-kampung, ini memang telah ada ataupun telah dilakukan oleh pihak Kerajaan dan perlu mendapat pujian. Walau bagaimanapun, kita perlu mengambil perhatian yang sungguh-sungguh lagi ataupun membuat kajian yang sungguh-sungguh supaya di kawasan-kawasan pendalaman, kawasan-kawasan yang jauh daripada bandar, yang kalau kita memberikan basikal kepada posmen-posmen begitu menyusahkan mereka ataupun memakan masa yang lama, maka perlu kita membuat kajian dari semasa ke semasa untuk menambahkan keperluan kenderaan jenis bermotor kepada posmen-posmen supaya mereka boleh pergi ke kawasan-kawasan di mana sahaja sama ada di pendalaman atau sebagainya.

Saya mengetahui kebanyakan daripada posmen-posmen yang ada sekarang mereka menggunakan jenis kenderaan seperti "Lembretta" dan sebagainya. Kalau kita hendak mengkaji dari segi ekonomi perlu kita ubahsuaikan ataupun menambahkan atau mewujudkan sistem pengagihan surat dengan bermotor dan diperhatikan juga agar jenis kenderaan Honda 70 c.c sesuai kepada posmen-posmen yang menggunakan kenderaan yang saya jelaskan tadi, terutama sekali dari segi perbelanjaan minyak yang begitu rendah sekali kalau dibandingkan dengan jauh perjalanan. Maka jenis kenderaan ini agak perlu kita kaji dari semasa ke semasa, kerana dalam hal ini kalau kita perhatikan daripada pihak

Polis dan sebagainya, mereka menggunakan kenderaan-kenderaan yang dikaji dari semasa ke semasa sama ada kereta rondaan dan sebagainya.

Kepada pihak Jabatan-jabatan yang lain boleh mengkaji keadaan ataupun kemudahan bagi pekerja-pekerja mereka, maka telah sampai masanya pihak Jabatan Pos mengkaji yang berfungsikan kepada kawasan-kawasan pendalaman yang kita tidak mahu lagi surat-surat itu dihantar di kedai-kedai yang berada di dalam sesebuah kampung. Di dalam hal ini apa yang saya jelaskan tadi supaya posmen-posmen ini diberikan kenderaan jenis Honda 70 c.c, misalnya, agak begitu murah kepada pembelian minyaknya dan mereka tidak penat ataupun tidak menggunakan tenaga sekiranya kalau dibandingkan di antara mereka menggunakan basikal dengan menggunakan Honda yang saya jelaskan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu oleh sebab masyarakat di dalam negara Malaysia ini agak kita banyak kumpulan-kumpulan seperti JKK, misalnya ataupun dalam kawasan-kawasan yang tertentu, Di dalam hal surat-menyurat ini kita perlu di samping memberikan perhatian surat-menyurat kepada orangramai pihak Jabatan Pos juga boleh membuat satu aturcara memberikan pengetahuan surat-menyurat kepada orangramai.

Maksud saya bukanlah semua orang yang kita hendak ajar mereka di dalam hal surat-menyurat. Di dalam sesebuah kampung misalan pegawai-pegawai yang berkenaan seperti Dato' Sidang, Dato' Penghulu ataupun Ketua-ketua Kampung, pihak Jabatan Pos mengadakan suatu

kursus memberikan pengetahuan kepada orang ramai, misalannya bagaimana hendak menghantar surat ke luar negeri. Bagaimana kalau kita hendak menghantar surat secara Register dan sebagainya, dan di samping itu kita boleh menjelaskan, misalannya bagaimana hendak menghantar telegram dan sebagainya. Jadi ini walaupun kita merasakan bukan tanggungjawab mereka sebenarnya, itu adalah hubungan yang baik di antara Jabatan kepada orang ramai yang akan menambahkan pengetahuan orang ramai daripada ilmu-ilmu yang kita sampaikan kepada mereka. Dan barangkali kita boleh juga memberikan taklimat di dalam waktu-waktu pejabat dan sebagainya dan orang-orang yang tertentu itu bolehlah memberikan ceramah-ceramah kepada orang ramai, Hal ini kalau kita laksanakan, tujuan utamanya akan memberikan pengetahuan orang ramai di dalam bentuk surat-menyurat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya menarik perhatian juga di dalam hari-hari kebesaran, misalannya memang ramai kita ketahui anak-anak muda kita dan orang-orang yang tidak bekerja, kita menjemput mereka bekerja di Pejabat-pejabat Pos. Misalnya, pada Hari Raya Puasa, Tahun Baru China dan sebagainya kerana surat-surat itu bertimpa-timpa datangnya dan kita mengambil Kerani sementara untuk bekerja dalam jangka maaa yang tertentu. Ini kita harus mengambil perhatian di samping kita menyelesaikan masalah kita, khususnya bagi penyedaran surat-menyurat kepada orang ramai, tetapi orang-orang yang kita memberikan kerja menolong kita itu harus juga diambil perhatian. Kalaupun selepas sebulan mereka bertugas, selepas itu kita diamkan sahaja "awak boleh berhenti dan

sebagainya", maka ini kita kurang mengambil perhatian, tetapi hakikatnya tidak salah.

Apa salahnya kalau misalan ada orang-orang tertentu, muda-mudi kita yang telah bekerja di Pejabat-pejabat Pos, mungkin kerja siang dan dalam, apabila kita hendak memberhentikan mereka, terutama sekali saya ketahui mereka yang tidak ada pekerjaan yang tetap, maka harus kita mengambil perhatian yang sungguh-sungguh semoga daripada tenaga yang membantu kita menyelesaikan kerja-kerja di Pejabat-pejabat Pos maka kita elok mengambil perhatian semoga daripada asas yang mereka bekerja dengan kita, kita menolong juga mereka supaya mendapatkan pekerjaan-pekerjaan yang tertentu. Mungkin kalau tidak dapat di waktu itu, kita rekodkan nama mereka dan kalau ada jawatan-jawatan kosong yang terdapat di Pejabat Pos ataupun di mana-mana Pejabat Pos, orang itulah kita terus ambil, kita tidak payah temuduga dan sebagainya, tetapi kalau hendak proses temuduga boleh, tetapi kita harus memberi keutamaan kepada orang-orang yang telah menolong kita menyelesaikan masalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa masa pun sudah sampai 6.30 petang dan setakat inilah yang dapat saya jelaskan di dalam Dewan yang mulia ini. Dengan ini, saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang yang dibentangkan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masapun sudah sampai maka Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari esok.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.**